

MEMPERKUKUH DAYA SAING, KETAHANAN HADAPI LANDSKAP EKONOMI DINAMIK

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) Ke-417 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-195 bagi Suku Keempat dan Terakhir bagi Tahun 2025.



■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad

(BSP) Ke-417 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-195 bagi

Suku Keempat dan Terakhir bagi Tahun 2025, hari ini.

>> Muka 3

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Vice Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress of the People's Republic of China and President of the Chinese People's Association for Peace and Disarmament, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 2)

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Pelita Brunei

pelitabrunei

pelitabrunei

Berita Utama

MEMPERKUKUH piawaian serantau, memacu kerjasama digital

Muka 6

MANDAT baharu pacu pertumbuhan PMKS melalui pembangunan sumber manusia

Muka 7

TANAM rasa kecintaan, tanggungjawab sivik masyarakat terhadap negara

Muka 13

RENCANA

MANFAATKAN Musim Cuti Dengan Menyelami Keindahan Sejarah dan Warisan Negara

Muka 20

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Vice Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress of the People's Republic of China and President of the Chinese People's Association for Peace and Disarmament, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini,

berkenan menerima mengadap Vice Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress of the People's Republic of China and President of the Chinese People's Association for Peace and Disarmament, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua yang mengadakan lawatan kerja ke

negara ini selama dua hari.

Antara lainnya, lawatan Tuan Yang Terutama Peng Qinghua ini bertujuan untuk memperkukuh lagi hubungan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China dengan membuka ruang kerjasama dalam pelbagai bidang seperti hubungan antara

parlimen, serta menjadi platform bagi pertukaran pandangan mengenai isu-isu berkepentingan kepada kedua-dua buah negara termasuk kerjasama perundangan dan pertukaran antara rakyat.

Hadir bersama TYT Peng Qinghua pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dan Vice Minister of the International Department, Central Committee of the Communist Party of China, Tuan Yang Terutama Ma Hui.

Juga hadir, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah.

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	19	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	KHAMIS	20	4.45	4.55	6.18	6.42	12.14	3.36	6.09	7.23
12	JUMAAT	21	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	SABTU	22	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	AHAD	23	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	ISNIN	24	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	SELASA	25	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 DISEMBER 2025

Penghayatan semangat kesukarelawan

AKTIVITI kesukarelawan merupakan antara agenda penting dalam misi pembangunan sesebuah negara. Penyertaan masyarakat khususnya generasi muda dalam aktiviti kesukarelawan amat penting dalam melahirkan sebuah komuniti berempati.

Namun, bagaimanakah penghayatan sebenar masyarakat terhadap aktiviti kesukarelawan? Adakah masyarakat sedar akan kepentingan khidmat kesukarelawan dalam pembangunan sesebuah masyarakat?

Kesukarelawan sering kali dikaitkan dengan aktiviti amal dan kebajikan yang dijalankan terhadap golongan yang memerlukan. Bantuan dan khidmat sokongan diberikan amatlah luas, termasuklah dalam konteks pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosioekonomi, pertanian, alam sekitar, bencana, kebajikan, perpaduan dan banyak lagi.

Ia memerlukan penyertaan aktif belia dan masyarakat tanpa mengira latar belakang, agama dan juga bangsa. Menjadi sukarelawan tidak memerlukan sijil akademik yang tinggi. Cukuplah mempunyai ciri penting kesukarelawan seperti suka, rela dan ikhlas.

Perkataan sukarela, berdasarkan Kamus Dewan sendiri bermaksud dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati.

Sukarelawan adalah individu atau satu kumpulan yang bersedia menghulur tenaga tanpa mengira bentuk bantuan dalam apa juga usaha kemanusiaan, kerja kemasyarakatan atau khidmat sukarela.

Belia merupakan kumpulan terpenting yang menjalankan aktiviti kesukarelawan. Belia sememangnya sinonim dengan aktiviti kesukarelawan memandangkan golongan ini dilihat berani mengambil risiko dan mempunyai banyak masa dan tenaga.

Kita tidak mahu masyarakat khususnya belia mempunyai sikap negatif terhadap aktiviti kesukarelawan, termasuk beranggapan penyertaan dalam aktiviti itu sebagai membuang masa dan tidak berfaedah.

Minda kesukarelawan negatif akan memberi kesan kurang baik terhadap masyarakat di mana sikap mereka akan semakin menjauh, menjadi semakin tinggi sifat keakuan dan akhirnya nanti menjadi seperti 'kera sumbang', terasing, walaupun tinggal bersama dalam satu komuniti.

Masyarakat perlu sedar, tanpa tenaga sukarelawan pada pelbagai peringkat, kemungkinan dasar dan agenda pembangunan negara tidak tercapai. Aktiviti pembangunan yang memerlukan penyertaan belia juga sukar dilaksanakan jika semangat kesukarelawan dalam kalangan golongan ini pudar.

Oleh itu, penghayatan semangat sukarelawan perlu diterapkan dalam diri, terutama dalam kalangan belia, agar mereka menjadi penerus bangsa yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada negara untuk mencapai kemakmuran. — **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Memperkukuh daya saing, ketahanan hadapi landskap ekonomi dinamik

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) Ke-417 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-195 bagi Suku Keempat dan Terakhir bagi Tahun 2025 (kanan dan kiri).

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku ahli-ahli

Lembaga Pengarah BSP dan BSM.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah penutup bagi menamatkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture dan Syarikat Brunei Gas Carriers bagi Suku Keempat, Tahun 2025.

Mesyuarat tersebut juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell plc serta

ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM.

Baginda menzahirkan penghargaan atas perbincangan mendalam yang berlangsung mengenai pelan perniagaan syarikat-syarikat berkenaan sepanjang dua hari yang lalu, sambil menekankan kepentingan untuk terus memperkukuh daya saing dan ketahanan dalam menghadapi landskap ekonomi dan tenaga yang semakin berubah dan dinamik.

Hal ini adalah mustahak bagi memastikan kelangsungan

kejayaan dan nilai jangka panjang bagi syarikat-syarikat tersebut.

Baginda turut menegaskan kepentingan untuk terus memberikan tumpuan terhadap aspek keselamatan, kepimpinan serta pembangunan keupayaan, termasuk membina bakat dan mengukuhkan budaya prestasi yang berterusan.

Kebawah DYMM turut menekankan bahawa komitmen berterusan dalam bidang-bidang ini akan menjadi pemangkin kepada prestasi yang lebih cemerlang serta menyokong

aspirasi negara pada masa hadapan.

Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan, pembangunan tenaga manusia dan pelan perniagaan bagi BSP dan BSM.

Mesyuarat tersebut menandakan berakhirnya sesi Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture dan Syarikat Brunei Gas Carriers bagi Suku Keempat, Tahun 2025.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mempengerusikan mesyuarat tersebut yang diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berangkat meninggalkan Bangunan Jabatan Perdana Menteri (kiri).

MEMASTIKAN KECEKAPAN OPERASI, KEDUDUKAN KEWANGAN BERDAYA TAHAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-227 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-113 bagi Suku Keempat tahun 2025, yang berlangsung di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BLNG dan BGC.

Mesyuarat berkenaan dimulakan dengan bacaan doa.

Pada permulaan mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengiktiraf prestasi kukuh serta kemajuan yang dicapai sepanjang tahun ini, khususnya dalam memastikan kecekapan operasi, kedudukan kewangan yang berdaya tahan, serta komitmen terhadap keselamatan.

Sehubungan dengan itu,

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-227 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-113 bagi Suku Keempat dan berkenan mengurniakan titah (kiri dan kanan).

baginda bertitah menekankan bahawa perbincangan sepanjang dua hari yang akan datang adalah amat penting bagi menumpukan pelan perniagaan dan strategi setiap syarikat bagi tahan-tahun mendatang.

Kebawah DYMM turut bertitah menegaskan bahawa strategi-strategi tersebut hendaklah bersifat berpandangan jauh, selaras dengan hala tuju negara ke arah pertumbuhan mampan dan peningkatan nilai.

Titah baginda lagi, ini termasuk memperkukuh daya saing pada masa hadapan, meningkatkan keberkesanan kaedah kerja, mempercepat adaptasi kepada perubahan industri tenaga global, serta menetapkan hala tuju nilai yang lebih jelas dan inovatif.

Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia, serta strategi jangka panjang bagi BLNG dan BGC.

Mesyuarat berkenaan juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.

DYMM; Shell plc termasuk Mr. Richard Howe; Executive Vice President of Conventional Oil and Gas at Shell dan Mitsubishi Corporation termasuk Mr. Gen Kunihiro, Division Chief Operating Officer, LNG-Asia Pacific Division, Environmental Energy Group at Mitsubishi

Corporation serta ahli-ahli kepimpinan daripada BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM juga seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-417 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-195 bagi Suku Keempat tahun 2025 pada hari esok.



SEBAHAGIAN yang hadir pada mesyuarat tersebut yang terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan (paling kiri, kiri, bawah paling kiri dan bawah kiri).



MESYUARAT tersebut dimulakan dengan bacaan doa (atas).

SUKAN SEA KE-33 DIRASMIKAN



PADUKA-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 di Stadium Negara Rajamangala, Bangkok, Thailand (atas dan bawah kanan).

BANGKOK, Selasa, 9 Disember. - Stadium Negara Rajamangala bermandikan cahaya penuh warna-warni sebagai simbolik persahabatan yang harmoni bagi Negara-negara Anggota ASEAN pada Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang membawakan tema, 'Amity of ASEAN' yang penuh gilang-gemilang.

Berkenan berangkat ke upacara

tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Tangkap layar RTBG

Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Ribuan penonton yang hadir dihiburkan dengan lima segmen persembahan, diikuti dengan barisan lalu daripada Kontinjen Thailand yang membawa bendera Thailand disusuli dengan 11 bendera negara yang menyertai temasya Sukan SEA dan Bendera Rasmi Persekutuan Sukan ASEAN.

Lebih 12,506 ribu atlet yang mewakili kontinjen negara masing-masing masuk dengan



THAILAND 2025

megah yang didahului oleh kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste, Republik Sosialis Viet Nam dan negara tuan rumah, Thailand.

Bendera NBD diarak dan dikibar megah oleh atlet Wushu, Awang Walid Lachkar dan atlet Bola Jaring, Dayang Nur Hafizah Sidek mendahului kontinjen NBD yang

diketahui oleh Chef de Mission kontinjen NBD ke Sukan SEA, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim. NBD diwakili oleh 65 atlet yang menyertai sembilan acara sukan.

Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand dan diikuti dengan pembacaan ikrar daripada semua atlet.

Ini merupakan kali ketujuh Thailand menjadi tuan rumah temasya sukan terbesar yang melibatkan Negara-negara Anggota ASEAN setelah menjadi tuan rumah bagi temasya tersebut 18 tahun lalu iaitu pada tahun 2007.



Pasukan Polo NBD tumpaskan Malaysia

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali, Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahmad

BANGKOK, Selasa, 9 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) menang 9 - 6 dengan aksi yang cemerlang dalam Semi Final pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 menentang Pasukan Polo Malaysia yang berlangsung di Padang Vs Sports Club, Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji

Jefri Bolkiah.

Dalam perlawanan chukka pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD mendapat satu mata melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Pasukan Polo Malaysia berpeluang menyamakan kedudukan melalui penalti 60 ela, namun percubaan itu berjaya dipatahkan oleh ketangkasan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen di kawasan bertahan. Namun selepas itu, kesilapan NBD memberi Malaysia ruang melakukan serangan balas pantas yang disudahkan dengan jaringan penyamaan 1 - 1.

NBD kembali menguasai permainan melalui lemparan masuk seterusnya, di mana Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menyempurnakan peluang untuk menghasilkan gol padang kedua, menjadikan kedudukan 2 - 1. Kemudian, Yang Amat Mulia

Pengiran Muda Bahar menyempurnakan pukulan melebarkan kedudukan kepada 3 - 1.

Manakala, pada perlawanan chukka kedua pula menyaksikan Pasukan Polo NBD memperoleh dua mata tambahan melalui Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Pasukan Polo Malaysia bagaimanapun tidak berputus asa dan berjaya membalas dengan satu gol untuk membawa kedudukan kepada 5 - 3 menjelang tamat chukka kedua.

Sementara pada perlawanan chukka ketiga pula, Pasukan Polo NBD menguasai throw-in dari tengah, melancarkan serangan pantas, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berjaya mengutip mata keenam melebarkan kedudukan kepada 6 - 3.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar berjaya mengutip dua mata tambahan melalui penalti dan satu mata tambahan melalui Yang Teramat Mulia Paduka Seri



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam.

Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah menjadikan kedudukan 8 - 4.

Pada perlawanan chukka keempat pula, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar berjaya mengutip mata bagi Pasukan Polo NBD dengan satu mata, dengan keputusan akhir Pasukan Polo NBD memperoleh 9 mata manakala Pasukan Polo Malaysia memperoleh 6 mata.

Pasukan polo negara telah menewaskan Pasukan Polo

Malaysia dalam peringkat separuh akhir dengan skor 9 - 6, sekali gus mara ke perlawanan akhir.

Perlawanan akhir antara pasukan negara dan negara tuan rumah, Thailand, dijadualkan berlangsung pada 10 Disember 2025 (Rabu), pukul 6.30 malam di VS Sports Club & Siam Polo Park, Samut Prakan.

Selain itu, latihan-latihan atlet juga telah bermula bagi sukan Sepak Takraw, aekwondo dan Karate di pekarangan hotel dan tempat venue latihan yang disediakan oleh pihak penganjur. Pasukan Sepak Takraw membuat latihan pertama mereka di venue pertandingan memfokuskan kepada acara hoops dan regu.

Semua atlet membuat latihan berada pada tahap yang baik, fokus utama adalah memperkukuhkan ketahanan supaya pemain kekal tenang dalam situasi perlawanan sebenar.


Mesyuarat pengurus pasukan juga telah dijalankan bagi mendengar taklimat perlawanan dan mengesahkan jadual perlawanan mereka. Latihan pagi dan malam juga dijalankan bagi atlet-atlet Taekwondo dan Karate di pekarangan hotel masing-masing.



KERABAT diraja dan penyokong-penyokong yang hadir pada perlawanan Polo Semi Final pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, di mana Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam menang 9 - 6 terhadap Pasukan Polo Malaysia (atas dan kanan).



Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress of the People's Republic of China and the President of Chinese People's Association for Peace and Disarmament, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 9 Disember. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, pagi tadi, menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress of the People's Republic of China and the President of Chinese People's Association for Peace and Disarmament, Tuan Yang

Terutama Peng Qinghua, bertempat di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, di sini.

Tuan Yang Terutama Peng Qinghua disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Vice Minister of the International Department, Central Committee of the Communist Party of China, Tuan Yang Terutama Ma Hui; serta delegasi-delegasi dari Chinese

People's Association for Peace and Disarmament dan Central Committee of the Communist Party of China.

Juga hadir, Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong; bersama Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis

Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Semasa Kunjungan Hormat tersebut, kedua-dua pihak menekankan hubungan dua hala antara NBD dan Republik Rakyat China yang telah lama terjalin dan pelbagai usaha kerjasama dalam beberapa sektor berkepentingan termasuk ekonomi dan pelaburan.

Perjumpaan tersebut juga mengadakan pertukaran pandangan berkenaan usaha sama dalam pembangunan yang mendukung aspirasi 'China-Brunei

Community with a Shared Future'.

Di akhir perjumpaan, kedua-dua pihak menzahirkan persediaan untuk memperkembangkan jalinan kerjasama yang baik antara MMN dan Kongres Rakyat Kebangsaan Republik Rakyat China bagi menyumbang kepada kesinambungan kerjasama yang saling menguntungkan antara NBD dan Republik Rakyat China.

Lawatan berkenaan merupakan kesinambungan usaha memperkukuh hubungan kerjasama antara institusi badan perundangan serta menyumbang kepada pengukuhan persahabatan serta kerjasama NBD dan Republik Rakyat China secara menyeluruh.



MEMPERKUKUH PIAWAIAN SERANTAU, MEMACU KERJASAMA DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam di Digital Government Forum 2025 di Phnom Penh, Kemboja, atas jemputan khas dari Menteri Pos dan Telekomunikasi Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Chea Vandeth (atas kanan dan bawah). Yang Berhormat turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Tuan Yang Terutama Menteri Pos dan Telekomunikasi Kerajaan Kemboja (atas kiri).

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 8 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah menyertai Digital Government Forum 2025 dengan tema 'Accelerating Digital Future : Governance, Growth, and Global Partnerships', yang telah diadakan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

di Phnom Penh, Kemboja, dari 5 hingga 7 Disember 2025.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha telah mengetuai delegasi NBD ke forum tersebut, atas jemputan khas dari Menteri Pos dan Telekomunikasi Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Chea Vandeth.

Forum tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tetap dan Menteri Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pejabat Majlis Menteri-Menteri Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Vongsey Vissoth.

Turut hadir, para menteri digital lain, Setiausaha Agung ASEAN, pegawai-pegawai kanan, rakan pembangunan serta organisasi teknologi terkemuka.

Yang Berhormat telah mengambil bahagian sebagai ahli panel dalam Dialog Digital Ministerial bertajuk 'Harmonizing Our Digital Future : From National Strategies to Collective National and Regional Impact' bersama Tuan Yang Terutama Dr. Chea Vandeth; Setiausaha Kanan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DICT), Republik Filipina, Tuan Yang Terutama David L. Almirol Jr. dan Presiden Pihak Berkuasa Komunikasi Kebangsaan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Flavio Cardoso Neves.

Dialog tersebut meneroka bagaimana strategi digital kebangsaan dapat diselaraskan untuk membentuk rangka kerja serantau yang padu bagi menyokong pembangunan inklusif dan kemakmuran bersama.

Perbincangan memberi tumpuan kepada usaha mengatasi peraturan digital yang berpecah-pecah, meningkatkan *interoperability* dan memperkukuh piala serantau bagi memacu kerjasama digital yang lancar.

Penekanan turut diberikan kepada mekanisme tadbir urus yang selaras, ekosistem data yang dipercayai serta selamat, dan pelaburan bersepadu dalam teknologi transformasi seperti Kecerdasan Buatan, keselamatan siber dan sistem identiti digital.

Yang Berhormat turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan TYT Dr. Chea Vandeth. Kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai cara mempertingkatkan kerjasama dalam kerajaan digital, pembangunan kapasiti dan inovasi teknologi.

Mesyuarat tersebut menekankan bidang kepentingan bersama seperti meningkatkan daya ketahanan keselamatan siber, memperbaiki rangka kerja tadbir urus data, mengukuhkan penyampaian perkhidmatan awam digital dan meneroka teknologi baharu bagi menyokong transformasi digital yang berorientasikan masa depan serta berpusatkan rakyat.

Delegasi NBD turut berpeluang berinteraksi dengan pemimpin antarabangsa dan serantau lain dalam komuniti digital bagi membincangkan trend semasa dan yang bakal muncul, cabaran utama serta peluang kerjasama dalam kerajaan digital dan transformasi.

Mengiringi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof bersama pegawai-pegawai kanan MTIC serta Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC).



MANDAT BAHARU PACU PERTUMBUHAN PMKS MELALUI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KIULAP, Isnin, 8 Disember. - Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) adalah bersifat kompleks dan tidak dapat ditangani oleh kerajaan semata-mata; malah ia memerlukan keterlibatan yang lebih mendalam serta penyertaan aktif antara agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan institusi pendidikan.

Cabaran ini bukanlah sesuatu yang unik kepada Negara Brunei Darussalam (NBD), namun pendekatan kita perlu bersifat pragmatik, berasaskan kerjasama dan selaras dengan keutamaan negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Mandat kita adalah jelas, kita mesti menghapuskan halangan yang menyekat pertumbuhan perniagaan, membina kemahiran dan kapasiti sumber manusia yang diperlukan oleh PMKS kita, serta menghasilkan keputusan yang nyata serta berimpak tinggi dapat dicapai," demikian ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) pada Siri Meja Bulat PMKS kali Ke-2 berlangsung di salah sebuah hotel di Kiulap.

Terdahulu dalam ucapannya,

Yang Berhormat menjelaskan, PMKS merupakan tunjang kepada ekonomi domestik NBD, merangkumi lebih 93 peratus daripada perniagaan sektor swasta yang menggaji majoriti tenaga kerja negara.

Dengan lebih daripada 6,400 PMKS aktif yang meliputi sektor perdagangan, perkhidmatan makanan, pembuatan dan digital, perusahaan-perusahaan ini memainkan peranan penting dalam agenda pemelbagaian ekonomi negara.

Yang Berhormat mengongsikan, tinjauan Tenaga Buruh NBD 2024 menganggarkan 346,000 penduduk usia bekerja dengan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 67.4 peratus.

Walaupun kadar pengangguran menurun kepada 4.7 peratus, PMKS masih berdepan cabaran berterusan dalam pengambilan pekerja, pengekalan bakat dan jurang kemahiran dalam bidang operasi, teknikal dan digital.

Menurut Yang Berhormat lagi, kaji selidik berasaskan majikan menunjukkan lebih 60 peratus majikan berdepan isu pengekalan kerana pekerja tempatan mencari gaji dan peluang kemajuan yang lebih baik.

"Walaupun ini membimbangkan, perkembangan ini juga menunjukkan bahawa tenaga kerja kita bercita-cita tinggi dan aktif

mencari pertumbuhan. Ini bermakna cabaran kita bukan untuk menghentikan pergerakan ini, tetapi untuk memperkasa PMKS agar mereka dapat menawarkan laluan kerjaya yang lebih menarik demi memenuhi aspirasi negara. Namun, lebih 35 peratus majikan turut melaporkan pekerja berhenti tanpa notis, menjejaskan operasi dan kestabilan pasukan," tambah Yang Berhormat.

PMKS jelas Yang Berhormat juga menyuarakan kebimbangan terhadap tempoh pengambilan pekerja asing yang panjang, khususnya dalam sektor yang kekurangan kemahiran tempatan. Kita perlu mengurus kebergantungan ini secara strategik sambil terus membangunkan kapasiti tempatan. Pada masa yang sama, proses mesti diperhalus agar perniagaan mendapat akses tepat pada masanya kepada tenaga kerja yang diperlukan bagi menjamin kelancaran operasi dan pertumbuhan berterusan.

Sehubungan itu tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah penting untuk merapatkan jurang tenaga kerja dengan menubuhkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan bagi menyelaraskan pembangunan tenaga kerja

dengan keperluan industri, serta Jawatankuasa Pengarah Industri Tenaga Manusia bagi menyatukan sektor perniagaan, pengawal selia dan institusi pendidikan dalam mengenal pasti kemahiran kritikal.

Garis panduan gaji dan dasar gaji minimum turut diperkenalkan bagi memastikan bayaran yang adil dan menggalakkan peningkatan kemahiran manakala platform digital seperti JobCentre Brunei dan Sistem Pengurusan Tenaga Kerja Kebangsaan telah diwujudkan untuk menyediakan sistem pemadanan pekerjaan yang lebih telus dan efisien.

Ke arah hadapan ujar Yang Berhormat, kerjasama lebih erat antara semua pemegang taruh utama adalah diperlukan untuk memperkemas proses sedia ada. Matlamat kita adalah untuk meningkatkan kemudahan dan ketelusan, dan memastikan perniagaan mempunyai kelincahan yang diperlukan dalam urusan penempatan tenaga kerja.

Yang Berhormat juga menegaskan, cabaran tenaga kerja kita turut dipengaruhi oleh revolusi Kecerdasan Buatan (AI) global, yang berpotensi meningkatkan atau menggantikan sehingga 57 peratus pekerjaan, dengan kesan terhadap 164 juta pekerja di seluruh Asia Tenggara.

"Di Brunei, kebimbangan utama adalah jurang kesiapsiagaan kemahiran yang semakin melebar kerana automasi tugas rutin mungkin meningkatkan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.

kebergantungan kita terhadap bakat asing untuk mengendalikan alatan AI canggih yang belum dikuasai tenaga kerja tempatan.

"PMKS kita mesti melabur dalam literasi AI, manakala majlis-majlis kebangsaan perlu segera mengintegrasikan alatan AI dalam semua kurikulum latihan. Dengan bekerjasama untuk menerima AI secara strategik sebagai alat untuk mempertingkatkan keupayaan tempatan, kita dapat membekalkan tenaga kerja kita dengan kemahiran masa depan, mengurangkan gangguan, dan memastikan peralihan yang adil serta inklusif bagi semua sektor ekonomi kita," terang Yang Berhormat.

Usaha memperkukuh ekosistem tenaga kerja negara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika hadir pada Siri Meja Bulat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kali Ke-2 yang diadakan di salah sebuah hotel di Kiulap (kiri dan kanan).



KIULAP, Isnin, 8 Disember. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) menganjurkan Siri Meja Bulat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kali Ke-2 mengenai Cabaran Tenaga Manusia dan Tenaga Kerja, yang menyediakan platform untuk menghimpunkan agensi kerajaan, majlis perniagaan dan perusahaan tempatan bagi membincangkan cabaran utama tenaga kerja yang menjejaskan daya saing PMKS.

Diadakan di salah sebuah hotel di Kiulap, siri meja bulat ini dianjurkan dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Brunei Darussalam (NCCIBD), ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Brunei, APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei, serta BIMP-EAGA Business Council (BEBC) Brunei.

Sesi tersebut dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BEDB.

Dialog ini menghimpunkan pembuat dasar, pihak industri dan pemimpin perniagaan untuk bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran tenaga kerja yang menjejaskan operasi PMKS, serta menyelaraskan usaha bagi memperkukuh ekosistem tenaga kerja negara sebagai sokongan kepada pertumbuhan jangka panjang sektor swasta dan pencapaian matlamat ekonomi Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong menekankan kepentingan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dalam menangani cabaran tenaga manusia.

Beliau menyatakan bahawa dialog ini direka sebagai platform kolaboratif yang menghimpunkan semua pihak berkepentingan, agensi kerajaan, wakil industri dan PMKS sebagai rakan usaha sama untuk mengukuhkan ekosistem perusahaan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan pertukaran pandangan serta usaha kolektif jelasnya, penyelesaian yang praktikal dan bermanfaat dapat dibangunkan demi kemajuan ekonomi Brunei.

Topik-topik yang dibincangkan dipilih berdasarkan isu berulang yang disuarakan oleh PMKS sepanjang sesi penglibatan tahun ini, dan menjadi sebahagian daripada usaha berterusan BEDB untuk memperkukuh keupayaan perusahaan serta menyokong pembangunan sektor swasta.

Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim, mengalu-alukan

perbincangan ini dan menegaskan kepentingan kerjasama antara agensi. Beliau menyatakan bahawa banyak isu yang dibangkitkan adalah saling berkaitan dan memerlukan pendekatan bersepadu.

Beliau turut menghargai maklum balas konstruktif daripada PMKS dan menegaskan komitmen jabatan untuk meningkatkan fasilitasi, memperjelas keperluan serta memperkemas proses yang berkaitan.

Sementara itu, Pengarah Negara BIMP-EAGA daripada BIMP-EAGA Business Council (BEBC) Brunei, Awang Haji Alimen bin Haji Ja'afar, turut menekankan nilai platform ini di mana beliau menyatakan bahawa PMKS memerlukan kejelasan, kepastian dan sokongan, dan sesi meja bulat ini memastikan pandangan industri diambil kira dalam usaha berterusan untuk memperkukuh ekosistem tenaga kerja. Kerjasama

berterusan antara kerajaan dan komuniti perniagaan adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan pengambilan pekerja dan kesiapsiagaan tenaga kerja jangka panjang.

Pengarah A.Ayam, Marcus Tan, yang turut serta dalam sesi ini, menekankan kepentingan penambahbaikan praktikal bagi menyokong operasi harian. Beliau menyatakan bahawa keupayaan untuk mengambil dan mengekalkan pekerja yang sesuai memberi kesan langsung kepada keupayaan syarikat memenuhi permintaan pelanggan dan mengekalkan mutu perkhidmatan. Sesi ini memberi keyakinan bahawa cabaran yang dihadapi diambil perhatian dengan serius dan sedang ditangani melalui usaha mencari penyelesaian yang berdaya laksana.

Siri Meja Bulat PMKS ini berfungsi sebagai platform keterlibatan jangka panjang antara agensi kerajaan dan pihak industri untuk membangunkan penyelesaian yang lebih fokus dan boleh dilaksanakan sejajar dengan hala tuju Pelan Induk Ekonomi Brunei Darussalam.

Sesi-sesi seterusnya akan memberi tumpuan kepada sektor keutamaan lain serta isu dan peluang merentas komuniti perniagaan. Siri ini berperanan mengekalkan fokus pada usaha memperkasa pertumbuhan perusahaan, meningkatkan kecekapan regulatori dan mengukuhkan daya saing keseluruhan negara.

BEDB terus mengalu-alukan maklum balas dan isu yang dihadapi oleh pihak perniagaan, dan menggesa komuniti perniagaan untuk menghubungi Business Helpdesk melalui talian +673 8363442 atau +673 8330520.

PELUANG PENGUSAHA 1K1P, PENIAGA TEMPATAN MEMPROMOSI PRODUK TEMPATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Lebih 60 peniaga menyertai Bazar Disember Muhibbah 2025 yang dianjurkan oleh Majlis Perundangan Kampung (MPK) Sungai Bunga.

Majlis Pembukaan Rasmi berlangsung pagi tadi di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh merangkap Ketua Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, juga Ketua Kampung Belimbing, Daerah Brunei dan Muara.

Bazar Disember Muhibbah 2025 merupakan inisiatif MPK Sungai Bunga bagi memberi ruang dan peluang kepada para pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) serta peniaga tempatan untuk mempromosi produk mereka.

Pelbagai jenis barangan ditawarkan termasuk makanan dan minuman, kraf tangan, pakaian, permainan serta aktiviti menarik untuk kanak-kanak.

Selain itu, kawasan rehat dan santai turut disediakan bagi para pengunjung, di samping ruang foto serta peluang menyertai program derma darah yang diadakan



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh merangkap Ketua Kampung Subok, dan Ketua Kampung Belimbing, hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Bazar berkenaan juga tersenarai sebagai salah satu acara dalam Brunei December Festival (BDF) 2025.

Penganjurannya menjadi wadah untuk peniaga tempatan menjana

pendapatan sempena musim cuti hujung tahun, di samping menyokong usaha kerajaan menggalakkan budaya berbelanja di dalam negara dan membantu menjana Tabung MPK Sungai Bunga.

Pada majlis perasmian berkenaan, MPK Sungai Bunga turut menyerahkan sumbangan

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

kepada Tabung Amal Daerah Brunei dan Muara. Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli MMN, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh merangkap Ketua Kampung Subok kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara,

Awang Haji Mohammad Kahirul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan derma kepada mangsa kebakaran rumah, Awang Zainal Abidin Shahbudin bin Haji Abdullah dari Kampung Sungai Besar.

Hubungan masyarakat, budaya teras pembangunan komuniti



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Selasa, 9 Disember. - Keamanan, kestabilan, kesihatan dan kemakmuran merupakan empat aspirasi utama yang dikongsi seluruh manusia tanpa mengira saiz negara dan perbezaan budaya termasuk bagi rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China.

Aspirasi ini bukan sekadar wawasan negara, tetapi harapan setiap keluarga dan setiap belia. Inilah asas yang menyatukan kita dalam melangkah ke masa hadapan bersama.


Perkara ini ditekankan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Persahabatan Brunei - China, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman, dalam ucapan alu-aluannya, pada Sesi Dialog 'Contributing

People-To-People Strength Building a Brunei-China Community With a Shared Future' bertempat di The Empire Brunei, di sini.

Justeru itu, katanya, untuk mencapai matlamat bersama, perkara paling penting bukanlah teknologi atau sistem, tetapi pemahaman terhadap budaya masing-masing, kerisauan dan impian; serta bahawa kita berkongsi nilai kemanusiaan yang sama.

"Tanpa pemahaman, tiada kepercayaan; tanpa kepercayaan, sukar untuk bekerjasama; tanpa kerjasama, kita tidak mampu menangani cabaran global," tambahnya.

Oleh itu, beliau menegaskan, pertukaran masyarakat dan



SESI Dialog 'Contributing People-To-People Strength Building a Brunei-China Community with a Shared Future' di The Empire Brunei (atas) telah dihadiri oleh Yang Di-Pertua Persatuan Persahabatan Brunei - China, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua (atas kiri).

hubungan budaya merupakan teras kepada pembangunan komuniti di peringkat masyarakat sivil.

Malah, katanya, Kecerdasan Buat, ekonomi digital dan tenaga baharu sedang mengubah dunia.

Teknologi, jelasnya lagi, mampu meningkatkan kesihatan, pendidikan dan pembangunan ekonomi, namun hala tujunnya ditentukan oleh mereka yang menggunakannya.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tegasnya, Brunei berpegang kepada dasar luar yang damai dan secara jelas menyokong Dasar Satu China, yang menjadi asas kukuh kepada hubungan kedua-dua negara.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan China untuk memperkukuh pertukaran belia dan kepercayaan bersama, meningkatkan kerjasama dalam pendidikan, teknologi dan tenaga baharu serta menyelaras Inisiatif 'Belt and Road' dengan Wawasan Brunei 2035," ujarnya.

Menurut Dr. Muhammad Firdaus, belia bukan sahaja menjadi peserta, tetapi juga penyumbang dan penerima manfaat masa depan.

Hadir pada acara tersebut ialah Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Peng Qinghua; Duta Besar dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xio Jianghua; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah serta delegasi dari Republik Rakyat China.

Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah

DAERAH BRUNEI MUARA



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku wakil KHEDN dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah kanan, Dayang Nursalsabella binti Rosidi (kiri) dan Awang Muhamad Noriman Wali Zulkarnaen bin Muhamad Muhaiydy (kanan).

BERAKAS, Isnin, 8 Disember. - Seramai 369 pelajar menerima sumbangan pada Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah yang berlangsung di keempat-empat daerah secara serentak, hari ini.

Dari jumlah tersebut, seramai 100 pelajar dari Daerah Brunei dan Muara menerima sumbangan pada acara yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), di sini.

Hadir selaku wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang terdiri

dari kalangan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku-pemangku Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, Ketua Rumah Panjang, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan ketua-ketua kluster, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan serta jemputan-jemputan khas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan berupa barang keperluan sekolah seperti alat-alat tulis serta peralatan sekolah lain dan pakaian seragam sekolah.

Sumbangan tersebut adalah hasil daripada Tabung Amal JDBM dan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara; Tabung Amal Daerah Belait; Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong; Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dan Tabung Bantuan Daerah Temburong.

Adapun program ini diadakan dengan tujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dan pelajar-pelajar yang kurang



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

berkemampuan dalam membuat persediaan persekolahan menjelang tahun 2026 nanti.

Sementara itu, Dayang Nursalsabella binti Rosidi dari Kampung Lugu ketika ditemui melahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diterima dan insyaaAllah, ia amat

membantunya untuk memulakan sesi persekolahan dengan lebih bersemangat di Tahun 8 dengan persediaan yang lengkap.

Bagi Awang Muhamad Noriman Wali Zulkarnaen bin Muhamad Muhaiydy dari Kampung Setia 'B' turut melahirkan rasa gembira dan dengan adanya sumbangan ini akan dapat dimanfaatkan apabila memulakan pembelajaran di Tahun 6 nanti.



DAERAH TUTONG



TUTONG, Isnin, 8 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Daerah pagi tadi menganjurkan Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah yang diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah.

Sehubungan dengan itu, bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Dewan Ma'had Islam Brunei, yang dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar, Korporat dan Perancangan), KHEDN, Dayang Siti Norashikin binti Mohd. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan berupa barang keperluan sekolah seperti alat-alat tulis serta peralatan sekolah lain, dan pakaian seragam sekolah kepada seramai 130 pelajar dari Daerah

Tutong. Juga hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang terdiri dalam kalangan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku-pemangku Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, dan Ketua-ketua Kluster, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, serta jemputan-jemputan khas.

Sumbangan yang disampaikan adalah hasil daripada Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara; Tabung Amal Daerah Belait; Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong; Tabung Anak-anak

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar, Korporat dan Perancangan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Siti Norashikin binti Mohd. Salleh hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima.

Yatim Daerah Temburong dan Tabung Bantuan Daerah Temburong.

Program diadakan dengan tujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam membuat persediaan persekolahan menjelang 2026 nanti.

Sumbangan derma berkenaan diharap dapat meringankan beban perbelanjaan bagi persediaan sekolah anak-anak berkenaan, sekali gus memastikan anak-anak yatim dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dapat memulakan sesi persekolahan 2026 dengan suntikan semangat baharu dan persediaan peralatan sekolah yang lebih sempurna.

SEBAHAGIAN daripada yang hadir di majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Ma'had Islam Brunei, Tutong.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah

DAERAH BELAIT



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah kepada penerima (atas dan atas kanan).

KUALA BELAIT, Isnin, 8 Disember. - Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah telah diadakan secara serentak di seluruh daerah yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), hari ini, di mana secara keseluruhannya, seramai 369 pelajar menerima sumbangan tersebut.

Dari jumlah keseluruhan tersebut, seramai 85 pelajar dari Daerah Belait telah menerima

sumbangan pada acara yang berlangsung di Intisar, Jabatan Daerah Belait, di sini dan hadir selaku wakil KHEDN ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salmin bin Haji Burut.

Turut hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang terdiri dari kalangan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku-pemangku Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu

Mukim, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, Ketua Rumah Panjang, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan ketua-ketua kluster, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan serta jemputan-jemputan khas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan berupa barang keperluan sekolah seperti alat-alat tulis serta peralatan sekolah lain dan pakaian seragam sekolah.

Sumbangan tersebut adalah hasil daripada Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara; Tabung Amal Daerah Belait; Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong; Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dan Tabung Bantuan Daerah Temburong.

Turut serta menyampaikan sumbangan kepada penerima-penerima ialah Syarikat Sepakat Energy Sdn. Bhd.

Adapun program ini diadakan bertujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam membuat persediaan persekolahan menjelang tahun 2026 nanti.

SEBAHAGIAN pelajar dari Daerah Belait yang terpilih menerima sumbangan Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



DAERAH TEMBURONG



TEMBURONG, Isnin, 8 Disember. - Seramai 54 pelajar dari Daerah Temburong telah menerima sumbangan bagi Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Daerah.

Majlis Penyampaian Sumbangan tersebut berlangsung pagi tadi di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Hadir bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan) KHEDN, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail.

Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, dengan tujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam membuat persediaan persekolahan menjelang tahun 2026 nanti.

Sumbangan yang disampaikan adalah hasil daripada Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara; Tabung Amal Daerah Belait; Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong; Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dan Tabung Bantuan Daerah Temburong.

Sumbangan derma ini diharapkan dapat meringankan beban perbelanjaan bagi persediaan sekolah anak-anak berkenaan, sekali gus memastikan anak-anak yatim dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyempurnakan penyampaian sumbangan bagi Program Bantuan Amal Kembali Ke Sekolah bagi Daerah Temburong (atas dan atas kiri) manakala gambar bawah kiri, sebahagian pelajar yang menerima sumbangan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dapat memulakan sesi persekolahan tahun 2026 dengan suntikan semangat baharu dan persediaan peralatan sekolah yang lebih sempurna.

Turut hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang terdiri dari kalangan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku-pemangku

Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, Ketua Rumah Panjang, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan ketua-ketua kluster, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan serta jemputan-jemputan khas.

Buli Dari Sudut Pandang Islam

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENURUT Kamus Dewan, buli bermaksud perbuatan mendera, mempermainkan seseorang. Membuli pula bermaksud mempermain-mainkan orang, biasanya orang yang lemah, dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan, menakutkan dan sebagainya orang yang berkenaan.

Buli berlaku dalam beberapa bentuk. Buli fizikal melibatkan perbuatan seperti memukul, menendang dan menampar mangsa. Manakala buli lisan atau verbal melibatkan perbuatan seperti mengejek dan mencemooh mangsa. Buli mental pula merupakan satu bentuk serangan psikologi melalui perbuatan seperti penyebaran fitnah dan pemulauan terhadap mangsa. Satu lagi buli yang timbul dalam zaman teknologi ini adalah buli siber. Buli siber adalah perbuatan yang melibatkan penyalahgunaan alat teknologi seperti dengan menyebarkan fitnah melalui media sosial yang berbentuk penghinaan, ugutan atau kata-kata kesat dan penyebaran video-video bertujuan untuk menjatuhkan maruah mangsa.

Buli memberi pelbagai kesan negatif kepada beberapa pihak terutama kepada mangsa buli. Dari segi fizikal, buli boleh mencederakan fizikal mangsa, bahkan boleh menyebabkan kematian. Dari segi psikologi pula buli menyebabkan gangguan emosi dan mental yang menyebabkan kesedihan, tekanan, penyakit mental, kemurungan dan yang seumpamanya.

Pada masa kini, buli merupakan masalah sosial yang sangat membimbangkan dan perlu ditangani secara serius agar tidak terus berleluasa menjadi suatu budaya yang merosakkan diri seseorang dan merosakkan keharmonian masyarakat. Buli juga menyumbang kepada kegiatan jenayah.

Menyedari akan bahaya buli dan kesannya dalam jangka masa pendek dan panjang, pelbagai pendekatan yang dibuat oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan bagi menangani masalah buli seperti mengadakan kempen-kempen kesedaran melalui platform media, bersemuka dan sebagainya.

Berdasarkan keterangan di atas, perbuatan buli bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam sangat mementingkan kesejahteraan, akhlak dan hubungan persaudaraan yang baik, perasaan kasih, bersatu padu, hormat menghormati dan tolong-menolong. Perbuatan buli ternyata salah satu bentuk kezaliman dan perbuatan zalim itu dilaknat oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana firmanNya :

Tafsirnya : Dan siapakah lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan dusta terhadap Allah? Mereka itu akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan saksi-saksi akan berkata: "Mereka inilah yang telah berdusta terhadap Tuhan mereka". Ketahuilah laknat Allah

(ditimpakan) ke atas orang-orang zalim. (Surah Hud : 18)

Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Jabir Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Bewaspadalah kamu terhadap kezaliman kerana sesungguhnya kezaliman itu akan menjadi kegelapan, kesengsaraan dan balasan (bagi orang yang zalim) pada hari Kiamat.

(Hadits riwayat Muslim)

Islam juga melarang menyakiti orang lain sama ada dengan perbuatan atau kata-kata. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

Tafsirnya : Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim. (11)

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhlah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih. (12)

(Surah al-Hujurat : 11-12)

Berdasarkan larangan dalam ayat di atas, Allah Subhanahu wa Ta'ala mengharamkan perbuatan mempersenda, mencela dan memanggil dengan gelaran buruk. Sesiapa yang melakukan apa yang telah Allah Subhanahu wa Ta'ala larang itu, maka perbuatan itu dikategorikan sebagai fasiq. Malah, orang yang melakukannya termasuk dalam golongan yang menzalimi diri sendiri kerana dengan menzalimi orang lain, dia telah mendedahkan dirinya kepada azab dan hukuman sekiranya dia tidak bertaubat. Allah Subhanahu wa Ta'ala juga mengharamkan perbuatan berprasangka buruk, mencari-cari kesalahan atau rahsia orang lain dan membicarakan keburukan seseorang di belakangnya, mencela dan memanggil dengan gelaran buruk. Perbuatan yang dilarang seperti yang disebut dalam ayat-ayat ini jelas merupakan buli. Mencela, mengejek dan memanggil dengan panggilan buruk adalah bentuk buli lisan, manakala menyebar fitnah, mengumpat, berprasangka buruk adalah buli mental atau psikologi kerana kesemua ini mengakibatkan mudharat kepada mangsa seperti merosak emosi mangsa.

Dalam hadits daripada 'Abdullah bin 'Amr Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Seorang muslim adalah siapa yang orang-orang Islam lain selamat daripada (kejahatan) lidahnya dan juga tangannya.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam juga memberi peringatan supaya tidak melakukan kemudharatan terhadap dirinya atau orang lain sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Tidak boleh memudharatkan dan tidak boleh saling memudharatkan.

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Maksud hadits di atas ialah seseorang tidak boleh memudharatkan saudaranya dengan mengurangkan sedikit pun hak saudaranya itu dan seseorang tidak boleh membalas mudharat dengan mengenakan kemudharatan kepada orang yang telah menyakitinya bahkan dia sepatutnya memaafkan. Hadits ini juga membawa maksud kedua-dua perbuatan tersebut dilakukan dengan niat memudharatkan tanpa hak. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam melarang segala perbuatan yang mendatangkan kemudharatan termasuk buli yang boleh mengakibatkan kemudharatan fizikal dan mental.

Dalam hadits lain yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Janganlah kamu saling benci-membenci, dan janganlah kamu saling berdengki-dengkian, dan janganlah kamu saling bermusuhan-musuhan. Jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits ini menggalakkan supaya kita saling berkasih sayang, tidak benci-membenci, tidak saling berdengki-dengkian dan bermusuhan-musuhan antara satu dengan yang lain. Perkara ini jelas bertentangan dengan buli yang antaranya adalah akibat perasaan benci dan dengki. Perasaan dengki adalah haram di sisi Islam.

Justeru sebagai orang Islam, menghayati ugama Islam dengan menerapkan ajaran atau nilai-nilai Islam dalam semua aspek kehidupan dari peringkat awal kehidupan seseorang lagi adalah sangat penting bagi membentuk syakhsiah baik yang setentunya tidak akan cenderung ke arah perbuatan buli. Ini kerana sesiapa yang berpegang teguh kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, KitabNya dan ugamaNya, serta bertawakkal kepadaNya, maka dia telah memperoleh petunjuk dan menjauh dari kesesatan. Seorang muslim hendaklah sentiasa mengingati bahawa setiap amalan dinilai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Dan diletakkanlah kitab (catatan amal perbuatan setiap orang) maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata : "Aduhai celakalah kami. Kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (juga) yang besar melainkan



semua dihitungnya". Dan mereka mendapati apa yang mereka telah kerjakan itu sedia (tercatat di dalamnya). Dan Tuhanmu tidak menzalimi seorang jua pun. (Surah al-Kahf : 49)

Melakukan buli atau melakukan pelbagai bentuk kezaliman seperti mencaci, memukul, mengambil harta dan menumpahkan darah orang lain akan menjadi sebab orang yang membuli itu menjadi mufliis pada hari Kiamat kerana orang yang dibuli itu akan menuntut haknya daripada mereka. Hak orang yang dibuli akan diambil daripada segala kebaikan orang yang membuli dan jika kebaikan tersebut tidak mencukupi maka dosa orang yang dibuli akan dipindah kepada orang yang membuli sebagaimana sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam :

Maksudnya : Tahukah kamu siapakah orang yang mufliis? Para Sahabat Radhiallahu 'anhum menjawab : Orang yang mufliis di antara kami ialah orang yang tidak mempunyai dirham dan apa-apa harta. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda : Orang yang mufliis di kalangan umatku ialah orang yang pada hari Kiamat datang dengan (pahala) sembahyang, puasa, dan zakat dan datang (juga dengan dosa) dia memaki orang ini, menuduh (tuduhan palsu) orang ini, memakan harta orang ini, menumpahkan darah orang ini dan memukul orang ini. Maka diberikan orang ini (pahala) kebaikan-kebaikannya dan orang ini (pahala) kebaikan-kebaikannya (yang lain). Sekiranya kebaikan-kebaikannya sudah habis sebelum diselesaikan (perhitungan) ke atasnya, maka diambil (dosa) kejahatan-kejahatan mereka (yang dizaliminya) lalu dicampakkan (dosa itu) kepadanya dan kemudiannya dia dicampak ke dalam neraka.

(Hadits riwayat Muslim)

Kesimpulannya, buli adalah perbuatan zalim yang menyakiti orang lain dan hukum menyakiti itu adalah haram. Menurut Islam, buli bukan sahaja mengakibatkan pelbagai bentuk kemudharatan, bahkan buli juga mengakibatkan orang yang melakukannya itu dilempar ke neraka.

Takwa membentuk peribadi mulia

dipandu cahaya Allah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 29 yang mafhumnya :

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad!) : "Jika kamu menyembunyikan sesuatu di dalam dada kamu atau kamu menyatakannya, nescaya Allah mengetahuinya, dan Dia mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan Allah Maha berkuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Firman-Nya lagi dalam Surah Ath Thalaq, ayat 2-3 yang mafhumnya :

"... Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya..."

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa mereka yang bertakwa akan mendapat pemeliharaan dan perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta jalan keluar sewaktu menghadapi sebarang masalah. Mereka juga akan diberi rezeki oleh Allah

Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya bagi seorang Muslim merebut peluang ini dengan bersungguh-sungguh bagi membentuk jiwa dan diri masing-masing untuk mencapai tahap dan kedudukan yang tinggi dan mulia.

Allah berjanji akan mengurniakan petunjuk kepada orang bertakwa dan menjadikan mereka orang berjaya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Baqarah, ayat 212 yang mafhumnya :

"... Padahal orang-orang yang bertakwa itu lebih mulia daripada mereka pada Hari Kiamat ..."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al Jaatsiyah, ayat 19 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya mereka sekali-kali tidak akan dapat menghindarkan engkau sedikit pun daripada (azab) Allah. Dan sesungguhnya orang-orang zalim itu sebahagian mereka menjadi pelindung kepada sebahagian yang lain, dan Allah ialah Pelindung bagi

orang-orang yang bertakwa".

Sebagai umat Islam hendaklah kita mengamalkan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Hendaklah kita berusaha memperbaiki diri ke arah kebaikan dan meningkatkan pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Jika sebelum ini kita masih sering melakukan pelbagai kekurangan, maka marilah kita berusaha memajukan diri ke arah kesempurnaan dan berpegang teguh dengan ajaran Islam.

Kita juga diingatkan agar memantapkan keimanan kepada Allah kerana hanya keimanan sahajalah yang menjadi kubu penyelamat hidup kita. Ibadat sembahyang pula menjadi benteng dari segala serangan maksiat dan kejahatan, sementara ibadat puasa pula menjadi perisai pertahanan diri. Mudah-mudahan dengan wujudnya kombinasi iman dan amal dalam kehidupan seseorang, akan lahirlah hamba-hamba Allah yang bertakwa serta menepati kehendak dan tuntutan Allah Subhanahu Wata'ala.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

KETINGGIAN martabat insan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dinilai bukan dari segi pangkat atau kedudukan, darjat keturunan, kemewahan atau harta benda malah bukan juga warna kulit atau paras rupa. Sebaliknya Islam menilai kemuliaan seseorang dari segi batinnya, iaitu imannya, kebersihan hatinya dan ketakwaannya. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hujuraat, ayat 13 yang mafhumnya :

"... Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Takwa sangat penting kepada seorang Mukmin kerana ia umpama nyawa yang sentiasa menghidupkan hati. Pergerakan hati seorang insan yang bertakwa sentiasa

PROGRAM LATIHAN OSH KEBANGSAAN PERKUKUH KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SEKITAR acara pengiktirafan bagi memberi penghargaan kepada Rakan Pembelajaran, Ahli-ahli Kumpulan Kerja dan Fasilitator yang terlibat dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH).

hidup tinggi dan piawai keselamatan kesihatan serta keselamatan bertaraf dunia.

Selain itu, pelaksanaannya juga seiring dengan prinsip yang digariskan dalam Rangka Kerja Promosi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi Konvensyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2006 serta menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan yang memberi tumpuan kepada pekerjaan yang baik, pertumbuhan ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan.

Sebagai sebahagian daripada usaha mengukuhkan keselamatan di tempat kerja, program berkenaan telah diperkenalkan pada Oktober 2024 dan mula dilaksanakan secara perintis pada April 2025.

Ia merupakan inisiatif Latihan OSH kebangsaan pertama yang

bertujuan meningkatkan budaya keselamatan di tempat kerja secara praktikal dan mudah diakses.

Pelaksanaan program dibuat melalui Institut Perkhidmatan Awam (IPA) bagi kakitangan kerajaan, Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) untuk pencari kerja, serta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, termasuk mereka yang menggaji pekerja terdedah.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh wakil kanan dari IPA, PPB, Darussalam Enterprise, Industry HSE Group dan Occupational Safety and Health Workers Association (OSHA) serta Pengarah Urusan penyedia latihan yang diluluskan SHENA seperti Megamas, Mahkota Maju dan Berjaya Aman.

Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad dalam ucapannya yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Perkhidmatan Korporat, Dayang Umi Khadijah binti Haji Mohd. Zaini selaku wakil, menekankan kepentingan memupuk budaya keselamatan

di semua peringkat organisasi.

Beliau menegaskan bahawa tiada pihak harus ketinggalan dalam usaha negara meningkatkan keselamatan di tempat kerja, selain menyatakan inisiatif itu menyumbang secara signifikan kepada visi negara melalui pembelajaran bersama, kerjasama dan pembinaan kapasiti merentas sektor.

Inisiatif ini juga memperkukuh kerjasama antara pihak kerajaan, majikan dan pekerja selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk kekal sebagai tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami.

Dalam pada itu, Laporan Pematuhan dan Prestasi Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja SHENA 2024 terus menunjukkan bahawa kemalangan di tempat kerja boleh dielakkan dan pemahaman asas HSE penting dalam mengurangkan risiko.

SHENA akan terus berdedikasi dalam meluaskan penglibatan bersama rakan kongsi pembelajaran dan profesional keselamatan serta kesihatan pekerjaan dengan matlamat jangka panjang untuk menjadikan inisiatif ini sebagai program pembelajaran asas HSE di NBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) hari ini mengadakan acara pengiktirafan bagi memberi penghargaan kepada Rakan Pembelajaran, ahli-ahli Kumpulan Kerja dan Fasilitator yang terlibat dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) bertempat di Bangunan Design and Technology (D&T Building), Kampung Anggerek Desa.

Acara tersebut merupakan

bukti usaha bersama di peringkat kebangsaan dalam menggalakkan kesedaran asas Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (HSE) di tempat kerja dalam kalangan pihak kerajaan, majikan dan pekerja.

Inisiatif berkenaan turut menyokong misi SHENA dalam memperkukuh budaya keselamatan di tempat kerja, meningkatkan pemahaman mengenai keperluan HSE serta memupuk budaya melaporkan sebarang isu keselamatan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kualiti



MINDA PEMBACA

Peranan pendidikan dalam mencegah penyeludupan remaja

PENYELUDUPAN remaja merupakan isu sosial yang semakin meruncing dan memberi kesan buruk terhadap keselamatan negara serta masa depan generasi muda. Remaja yang terlibat dalam kegiatan ini sering dipengaruhi oleh faktor persekitaran, tekanan rakan sebaya dan kurangnya kesedaran tentang implikasi undang-undang. Dalam menghadapi cabaran ini, pendidikan memainkan peranan paling signifikan sebagai benteng awal untuk mencegah penglibatan remaja dalam kegiatan penyeludupan yang semakin berleluasa.

Pertama, pendidikan mampu memperkukuh nilai moral dan etika

dalam diri remaja. Melalui kurikulum yang menekankan kepentingan pendidikan sivik, agama dan pembentukan sahsiah, para pelajar didedahkan kepada nilai-nilai murni yang boleh memandu mereka membuat keputusan yang bijak sekali gus membantu remaja memahami tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang berintegriti. Kesedaran moral ini penting untuk menolak sebarang pengaruh yang membawa kepada kegiatan haram.

Selain itu, institusi pendidikan boleh menjadi platform terbaik untuk menyampaikan maklumat tepat mengenai risiko, modus operandi dan hukuman berat terhadap kegiatan

penyeludupan. Melalui ceramah keselamatan, program bersama agensi penguatkuasaan dan kempen kesedaran, remaja dapat memahami realiti sebenar dunia jenayah. Pendedahan ini membina kemampuan berfikir secara kritis, sekali gus menjadikan mereka kurang terdedah kepada manipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

Akhir sekali, pendidikan juga menyediakan peluang masa depan yang lebih cerah melalui pembentukan kemahiran dan pengetahuan. Remaja yang berpendidikan mempunyai aspirasi, hala tuju dan peluang kerjaya yang lebih luas, menjadikan mereka kurang cenderung mencari jalan pintas

melalui aktiviti haram. Jelaslah bahawa pendidikan ialah kunci utama dalam membentuk generasi muda yang berdaya tahan, bermoral tinggi dan bebas daripada ancaman penyeludupan.

Nama : Haji Muhammad Azimulhakim Haji Saman
NO. K/P : 01-058XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025
2. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
3. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Tanam rasa kecintaan, tanggungjawab sivik masyarakat terhadap negara



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah hadir selaku tetamu kehormat majlis pembukaan tersebut (kiri), sementara gambar atas dan bawah kiri, antara para peserta yang menyertai Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2025/2026 anjuran Jabatan Penerangan.

BERAKAS, Isnin, 8 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Sivik Negara Brunei Darussalam

Kali Pertama bagi Tahun 2025/2026 selama lima hari bermula hari ini hingga 13 Disember 2025.

Majlis pembukaan yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah, selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis berkenaan, Dayang Siti Bismi Nuruliman menyampaikan ucapan alu-aluan yang antara lain berhasrat agar program sivik seperti berkenaan dapat menanam rasa kecintaan dan tanggungjawab sivik masyarakat terhadap negara.

Selain itu katanya, ia juga turut memainkan peranan signifikan

dalam menjana belia berwawasan yang berfikir kritikal, berinovasi, *resilience* dan mempunyai tahap kepedulian sosial yang baik sesama masyarakat selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, beliau menyeru para belia untuk menjadi agen berkongsi pengetahuan bagi isu-isu semasa terutamanya yang menggugat kesejahteraan bersama.

Program disertai oleh 48 peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, institut pengajian tempatan serta lepasan ijazah.

Sepanjang program berkenaan diadakan, para peserta akan

didedahkan kepada beberapa siri taklimat dan lawatan sambil belajar ke beberapa agensi kerajaan dan swasta serta mengikuti aktiviti kerja berpasukan (*team building*).

Antara objektif program diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan maklumat terkini kepada masyarakat mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, selain memastikan rakyat sentiasa peka terhadap perkembangan semasa.

Di samping itu, dapat memupuk dan menanamkan semangat kenegaraan yang berasaskan falsafah konsep Melayu Islam Beraja (MIB), dengan menekankan nilai-nilai budaya, agama, dan kedaulatan yang menjadi asas identiti negara.



MBB ADAKAN KONGRES AGUNG PERWAKILAN



AHLI-ahli Majlis Belia Brunei bergambar ramai setelah selesainya Kongres Agung Perwakilan Ke-8, di mana mereka membincangkan dan menentukan rangka kerja MBB, membubarkan dan melantik Ahli Jawatankuasa Tadbir Tinggi Pusat yang baharu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Majlis Belia Brunei (MBB) telah mengadakan Kongres Agung Perwakilan (KAP) Ke-8, baru-baru ini. KAP adalah sebuah platform bagi tujuan penyelarasan Pentadbiran MBB, khususnya bagi membincangkan dan menentukan

rangka kerja MBB, membubarkan dan melantik Ahli Jawatankuasa Tadbir Tinggi Pusat (AJKTTP) yang baharu.

KAP kali Ke-8 telah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap Tertinggi bagi Sesi 2023-2025, Awang Muhd. Wa'ie

Al-Syafiiq bin Mohd. Shafiee.

Turut hadir, AJKTTP bagi Sesi 2023-2025 yang diketuai oleh Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku Yang Dipertua MBB.

Dayang Khairunnisa dalam ucapannya menyatakan sejak

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

tahun 2023, MBB telah beralih daripada sekadar penganjur acara kepada rakan strategik peringkat nasional dan pencapaian ini merupakan sumbangan yang dirancang dengan teliti kepada kerangka Wawasan Brunei 2035.

Beliau turut mengongsikan inisiatif dan pelbagai kerjasama asas dengan agensi-agensi kerajaan agar ahli-ahli terus aktif dalam kapasiti masing-masing dengan sokongan MBB.

Hadir sama semasa KAP tersebut ialah Dayang Nurizzatul Izzah Haji Abd. Rahman, Mantan Pengerusi Tetap Tertinggi bagi Sesi 2019-2021 yang mana kemudian dilantik sebagai Pengerusi Sementara bagi mempengerusikan agenda-agenda berkaitan dengan pembubaran dan pelantikan AJKTTP MBB.

Melalui KAP kali ini ia telah berjaya menggabungkan sebanyak 30 buah persatuan / pergerakan belia yang sah berdaftar atau ditubuhkan oleh mana-mana agensi kerajaan atau swasta di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bukan berorientasikan keuntungan.

Pada kongres tersebut juga turut melantik AJKTTP MBB, NBD bagi

Sesi 2026-2028.

Yang Dipertua MBB yang baharu dilantik, Dayang Nurul Izyan Anver, dalam ucapannya menzahirkan penghargaan atas kepercayaan yang diberikan oleh para perwakilan, sambil menyifatkan pelantikan tersebut sebagai satu amanah bersama untuk memperkukuhkan kesatuan gerakan belia dan memastikan suara belia terus relevan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Beliau turut menekankan komitmen kepimpinan baharu untuk memperkukuhkan tadbir urus MBB, meningkatkan keterlibatan persatuan belia di peringkat akar umbi serta menggalakkan kerjasama strategik merentas sektor demi pembangunan belia yang inklusif dan mampan.

Di samping itu, KAP juga telah membincangkan mengenai strategi pengukuhan fungsi MBB sebagai satu badan yang menghubungkan persatuan di NBD ke pertubuhan rasmi di luar negara dan sebagai pusat rangkaian kerja (*centre for networking*) bagi belia-belia di negara ini dalam peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Sebut Harga dibukakan kepada Syarikat-Syarikat dan Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga seperti keterangan berikut:

Bilangan Sebut Harga:
27 / MFA-ICC-Q / 2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of New Digital Wireless Microphone System At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang


**Jawatan-Jawatan Kosong Di
Sekretariat Komanwel, London,
United Kingdom**

1. Corporate Compliance Manager
1 kekosongan

Tarikh Tutup:
18 Disember 2025

2. Outreach Coordinator
(Blue Charter)
1 kekosongan

Tarikh Tutup:
19 Disember 2025

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui pautan berikut:
<http://thecommonwealth.org/jobs>



Bilangan Sebut Harga:
10 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Maintenance Of Mechanical And Electrical Works, Ministry Of Foreign Affairs, For A Period Of Twenty-Four (24) Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori E01 & M03

Bilangan Sebut Harga:
11 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Repair Works For Ministry Of Foreign Affairs, For A Period Of Twenty-Four (24) Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori KA01 & B01

Bilangan Sebut Harga:
12 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Fire Protection And Prevention System Maintenance For Ministry Of Foreign Affairs, For A Period Of Thirty-Six (36) Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori E01, M03 & KPME05

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:
EGNC/PM/4.1/8.2025
Renewal of OGPC 3 Maintenance and Support, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa, 20 Januari 2026


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 139 / 25 – 26
Pembekalan, Pembuatan, Pemasangan Dan Pembongkaran Set Latar Belakang Untuk Rancangan TV, Bahagian Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada **Khamis, 8 Januari 2026**.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 106 / 2025 - 2026:
Supply And Delivery Of Laboratory Material For The Implementation Of ISO 17025 Accreditation

2. JPt / SH / 107 / 2025 - 2026
Construction Of New Concrete Drain At Imang Dam Pump Station

3. JPt / SH / 108 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Ladang Di Kawasan Ladang Padi MPK Batang Perhentian, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei Muara


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
22 / BBS / SH / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Installation Of Smart TV And Accessories For Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 53 / 2025 / 2026
(PTP-OGOS-2025)

Tajuk Tawaran:
Phase 2025 / 2026:
The Supply, Delivery, Installation, Commissioning and Warranty of Interactive Panels and Network Attached Storage (NAS) for The Ministry of Education

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND35.00
(Bayaran Yuran Tawaran sebanyak BND30.00 dan E-Dokumen sebanyak BND5.00 tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
13 Januari 2026 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 petang

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
5 Januari 2026, Isnin, jam 2.45 petang

Information Day:
11 Disember 2025 (Khamis)
Jam 9.00 pagi

Tempat:
Bilik Latihan 02 (Training Room 02), Blok A, Tingkat 1, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Kg Lambak Kanan


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
07 / 2025 / 2026

The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structure For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran dan Tempat Mengambil Dokumen Tawaran:
Rabu, 10 Disember 2025

Dokumen Tawaran Boleh Diperoleh Di:
Bahagian Penguatkuasaan Akta, Tingkat 1 Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan Lapangan Terbang Lama,



Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Rabu, 31 Disember 2025, sebelum jam 2.00 Petang

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti sebut harga dan ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Harga Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (persekitaran / pengisian surat rasmi / bilik kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil Kelulusan dan pengisian Tajuk Kelulusan Pengambilan Kelulusan (PSQR) yang berkaitan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (nama / peribadi / pengalaman / perkhidmatan Awam / bilik latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM038 / 2025

Nama Tawaran:
Menaiktaraf Gelanggang Tenis,
Kompleks Sukan Negara Hassanah
Bolkiah (Ditawarkan Semula)

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Projek:
2025DBSBM/KKBS.04

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Disember 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kelas:
III / IV Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM039 / 2025

Nama Tawaran:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Di Bangunan Rekrut
Blok A & B, Pusat Latihan Polis,
Kompleks Ibu Pejabat Polis
Gadong

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Projek:
2025DBSBM/PDB.06

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Disember 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:
10 Disember 2025

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 34 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan
Gadong Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / BKTGS /
2025-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Struktur Bangunan Membina
Semula Apron Dan Longkang
Konkrit Sekolah Rendah Dipa
Negara Pengiran Jaya Sengkarai

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 31 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 32 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan
Pengiran Babu Raja

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 33 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan
Industri Beribi

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



Daerah: Kerja-Kerja Reka Bentuk
dan Pemasangan Sistem Mitigasi
Gangguan Alternating Current
(AC) Bagi Paip-Paip Utama
Sepanjang Lebuh Raya Muara -
Tutong - Kajian Model Mitigasi
Gangguan Alternating Current
(AC) Bagi Paip Air Utama Bukit
Baru Peringkat 7
(Fasa 1)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(III & IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
16 Disember 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 045 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Operasi dan Pemeliharaan Di Loji
Rawatan Air Batang Duri,
Temburong 2026 - 2029

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDIANA MENTERI 1, BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)**

Bab 7(A)
Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri

Bab 38(A)
Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

Bab 38(B)
Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.
*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(III, IV & V Sahaja)

Kategori:
[Specialist Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
16 Disember 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
(Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 046 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama dan
Tangki-Tangki Air Bagi Semua



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(15-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Penyewaan Dan
Pembekalan Mesin Fotokopi
Untuk Bahagian Dan Unit
Di bawah Jabatan Pembangunan
Masyarakat Bagi Tempoh
48 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
(14-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan dan Penghantaran
Alat Dan Kelengkapan Pejabat
Bagi Unit dan Bahagian Di Bawah
Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Disember 2025



Bilangan Tawaran:
(16-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan dan Penghantaran
Ink Cartridge dan Toner Printer
Bagi Unit dan Bahagian Di Bawah
Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Disember 2025



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
ISO/IEC 17025 Technical
Consultancy For Approved
Signatories And Risk Assessment
Processes For The Aquatic Animal
Health And Laboratory Services
Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Of
Laboratory Chemical And Apparatus
For Fish Disease Diagnosis Testing
For Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Drafting Services For Preparation Of
Tender Documentation To Conduct
Technical Services Of Marine
Resource Assessment
Of Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
18 Disember 2025



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2025
/ 11 / 4

Tawaran :
Quotation For Supply, Delivery
And Installation Of Furnishes And
Fixtures For Hallways At The First
Floor, Law Building, Attorney
General's Chambers, Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha,
BA1910, Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Disember 2025



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 351 / 2025 /
ESTETRIPASH (TC)

Keterangan:
Term Contract For
Comprehensive Maintenance
Of Pneumatic Tube System
And Associated Accessories At
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital For A Period
Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 352 / 2025 /
ESTETRIPASH

Keterangan:
Renovation Works Of Ward 1,
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 353 / 2025 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Intensive Care Unit (ICU) Beds
For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 355 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Prosthodontic Consumable
Items For Department Of
Dental Services, Ministry Of
Health For A Period Of Three
(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 356 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 357 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 49 /
UP / 21

Tajuk Sebut Harga :
Supply And Delivery Paving Paint
/ Coating System Phase 1 For
Seksyen Pemuliharaan Aset,
Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 69 /
UP / 30

Tajuk Sebut Harga:
Fencing And Concrete Slab Works
At 'Stor Hijau' Site Office,
Jalan Dato Taib,
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 104 / 2025

Tajuk:
Provision Of Project Insurances For
"Proposed Mentiri (Brunei-Muara)
66kV S/S To New Perdayan
(Temburong) 66kV S/S Underground
Cable (66kV) Transmission Link"

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat Insurans Yang Diiktiraf dan
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut boleh diperoleh
dari Unit Tawaran, Tingkat Empat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

FESTIVAL FILEM PENDEK PRISM UBD KE-8 LABUH TIRAI

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-8, Tahun 2025 melabuhkan tirainya dengan majlis anugerah yang berprestij yang diadakan di Pro-Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini bagi memberi penghargaan kepada pencapaian pembuat filem muda berbakat dari universiti-universiti seluruh ASEAN, termasuk rakan universiti UBD di Sepanyol.

Hadir pada majlis berkenaan, Penolong Naib Canselor UBD (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian), Dr. Awang Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi.

Juga hadir, Ketua Program Design and Creative Industries (DCI), UBD, Dr. Pengiran Mohd. Rahiman bin Pengiran Aliudin; Ketua Program English Studies, UBD, Dr. Raihan Mohamad; Profesor Pelawat FASS, Juan Pablo dari University of Seville; dan Ketua Fakulti Multimedia and Broadcasting, Kolej International Graduate Studies (KIGS), Awang Abd. Bashir Haji Hamzah.

Turut hadir, para pelajar pembuat filem, rakan dan keluarga mereka, para pensyarah UBD serta orang ramai.

Wakil daripada penaja utama PRISM UBD Ke-8, iaitu Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Dayang Marinna binti Haji Mahari; Pemangku Penolong Ketua Pegawai Eksekutif, Pembangunan Industri, AITI, Dayang Hajah Fariah binti Haji Mohd. Said; dan Social Investment Lead, Brunei LNG, Awang Muhammad Azmin Syawaluddin bin Haji Shariffudin, telah menyampaikan hadiah dan sijil kepada para pemenang bagi enam kategori pertandingan, iaitu Anugerah Filem Pendek Animasi Terbaik, Anugerah Filem Pendek Dokumentari Terbaik, Anugerah Filem Pendek Fiksyen Terbaik (Drama), Anugerah Filem Pendek Fiksyen Terbaik (Seram/Misteri), Anugerah Filem Pendek Buatan Telefon Pintar Terbaik, dan Anugerah Iklan Khidmat Awam Terbaik (tema Sustainable Development Goal - SDG).

Sementara, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), UBD, Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh, menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang Anugerah Pilihan Penonton, yang dipilih berdasarkan undian dalam talian semasa tayangan dalam talian PRISM Ke-8 dari 20 November hingga 3 Disember 2025 di saluran YouTube rasmi FASS UBD.

Pemenang anugerah bagi Filem Pendek Animasi Terbaik ialah 'Kumpas' yang dihasilkan oleh KWATROOP, National University, Republik Filipina; manakala Filem Pendek Dokumentari Terbaik diberikan kepada 'Asa ang mga Salida sa Leyte?' (Where are the Films in Leyte?) hasil karya Linus Masandag dan Lebron Ponce, Visayas State University, Republik Filipina; sementara Filem Pendek Buatan Telefon Pintar Terbaik ialah 'Cermin' (Mirror) yang dihasilkan oleh Awang Mohammad Azhar bin

Haji Mohammad Khir dan Awang Mohammad Aziq Zulhazmin bin Haji Ahmad, dari UBD.

Sementara itu, penerima anugerah Filem Pendek Fiksyen Terbaik (Drama) ialah 'Loving Complement' hasil karya Teeraphod Maroengsinh, dari Chulalongkorn University, Thailand; manakala Filem Pendek Fiksyen Terbaik (Seram/Misteri), iaitu 'Antara Dua Sujud' adalah hasil karya Alfath Sellahuddin, dari KIGS.

Pemenang bagi Anugerah Iklan Khidmat Awam Terbaik ialah 'The Basket' yang dihasilkan oleh Awang Mohammad Nazni bin Abd. Salam, dari UBD; manakala Anugerah Pilihan Penonton, iaitu 'Tanjung Geranjang' adalah hasil karya Dayang Nur Syaza Zahirah Jafry dan Dayang Nur Daniya Elyza binti Haji Haszriman, dari UBD dan University of Seville, Sepanyol.

Sementara itu, panel juri Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-8 terdiri daripada Penerbit dan Pengasas Bersama Regalblue Production, Dayang Nurain Abdullah selaku Pengerusi Juri; Manager, Content Development, Industry Development Group, AITI, Dayang Nurulhuda binti Sulaiman; Penerbit Kanan, Radio Televisyen Brunei (RTB); Pengiran Mohd. Khairul Amali bin Pengiran Haji Mohd. Roslin; Filmmaker of Visual Dimensions Production, Negara Brunei Darussalam (NBD), Adam Groves; dan Producer of Afternoon Pictures, Kuala Lumpur, Malaysia, Lee Yve Vonn.

Majlis penyampaian anugerah diikuti dengan sesi maklum balas dan ulasan juri. Keempat-empat juri NBD berkongsi kriteria pemilihan, pandangan, pengalaman, pengajaran serta cadangan membina mereka untuk generasi muda pembuat filem dan orang ramai.

Sebagai acara rasmi tahun keempat di bawah ASEAN University Network on Culture and the Arts (AUN-CA), PRISM UBD Ke-8 menerima lebih 80 penyertaan filem pendek daripada 17 Institusi Pengajian Tinggi seluruh ASEAN, termasuk NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand, Republik Filipina dan Republik Sosialis Viet Nam.

Sebuah lagi negara ASEAN, iaitu Myanmar turut menyertai melalui penyertaan S-Express 2025 Myanmar Programme, sebahagian daripada S-Express 2025 ASEAN yang merangkumi lima program tayangan filem pendek dari NBD, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam semasa UBD PRISM Ke-8.

Penyertaan bersama para pelajar dari UBD dengan kerjasama University of Seville, Sepanyol turut menambah kepelbagaian kepada penyertaan PRISM Ke-8.

Satu lagi sorotan festival tahun ini ialah, buat pertama kali, PRISM melancarkan Program Tayangan Filem Cereka melalui kerjasama dengan syarikat produksi tempatan NBD yang termasuk Regalblue Production, Visual Dimension Production, AJ Film Production, Paperplane Media dan

Aman Hills Cineleisure.

Tayangan Filem Cereka PRISM memaparkan lima filem cereka tempatan NBD, daripada filem cereka NBD pertama 'Gema Dari Menara' (1968) hingga tayangan terbaharu 'Gadong' (2024), 'Durang Hadir' (2025), 'Cam Cam Brit' (2025), dan 'Para.Doc' (2025), di Pro-Chancellor Arts Centre UBD dan Aman Hills Cineplex.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



PARA pemenang Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-8 ketika bergambar ramai.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Pucuk Ubi Masak Lemak Berempah Kampung Beribi

BAHAN-BAHANNYA :

Pucuk ubi direbus sekejap dan toskan
Santan kelapa
Garam
Secukup rasa
Gula
Minyak

BAHAN A

5 - 7 biji bawang merah

3 ulas bawang putih

1 / 2 batang serai
1/2 inci lengkuas
2 inci kunyit hidup

BAHAN B

1/2 sdt serbuk ketumbar (ikut selera)
1/2 sdt serbuk jintan manis (ikut selera)

CARA-CARA MEMASAK :

Kisar halus bahan A terlebih dahulu. Kemudian panaskan minyak masak lalu tumiskan Bahan A tadi sehingga pecah minyak dan sedikit garing. Setelah itu, masukkan Bahan B, pucuk ubi yang telah direbus dan sedikit air. Apabila sebati masukkan santan dan bahan perasa.

Muka 2.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 15 Disember, 1965.

ROMBONGAN PENGAKAP2 DARI BRUNEI KA-JAMBOREE PENGAKAP DI-BANGKOK SELAMAT SAMPAI DI-SINGAPURA

SINGAPURA. — Rombongan Perwakilan Pengakap dari Negeri Brunei telah sampai di-Singapura dengan kapal laut dari Brunei melalui Labuan dan Jesselton baru2 ini dalam perjalanan mereka ka-Bangkok, ibu kota Thailand untuk menghadiri Jamboree Pengakap2 Antara Bangsa di-sana yang telah di-mulai pada 9 Disember dan di-jadualkan berakhir pada hari ini.

Demikian menurut laporan Wartawan Ahmad Arshad yang juga menghadiri Jamboree Pengakap2 tersebut sebagai salah sa-orang daripada Wakil2 Pengakap2 dari Brunei.

Rombongan Pengakap2 dari Brunei telah belayar dari Brunei ka-Labuan dengan menaiki sebuah kapal Kerajaan pada 27 November, 1965, kata-nya.

Mereka telah di-sambut oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Labuan Awang Van Evalina semasa tiba di-Labuan pada jam 11 pagi hari tersebut.

Pada jam 8 malam Pengakap2 dari Labuan telah mengadakan satu temasha Unggun Api sebagai meraikan lawatan Pengakap2 dari Brunei itu dan kira2 2 jam 40 minit kemudian-nya rombongan Pengakap2 dari Brunei itu telah menguchapkan "Selamat Tinggal" kepada Pengakap2 di-Labuan dan belayar ka-Jesselton dengan kapal laut.

Semasa berada di-Labuan Pengakap2 dari Brunei itu telah dibawa melawat ka-beberapa tempat di-sana, antara-nya ia-lah Tanah Perkuboran Askar2 Inggeris, Tamu Ahad dan Lapangan Terbang Labuan.

Di-Jesselton pula rombongan Pengakap2 dari Brunei telah berpeluang melawat ka-Studio Radio Malaysia Sabah, Tanjong Aru, Pasar Besar, Gerai Jual2an, Kedai2 yang baru di-bena dan Pejabat2 Akhbar.

Rombongan tersebut telah belayar dari Jesselton ka-Singapura dengan Kapal RAJAH BROOKE. Dalam pelayaran tersebut, kapal itu telah singgah di-Miri dan Pending.

PENGAKAP2 DARI BRUNEI MENDAPAT KEPUJIAN

Lebeh lanjut lagi, menurut laporan Wartawan Ahmad Arshad, Pengakap2 dari Brunei telah di-berikan kepujian oleh Kapitan Kapal tersebut, Kapitan Parker, kerana "kepatohan kami sebagai Pengakap dan kerana kami mempunyai sopan santun yang memuaskan semasa dalam pelayaran".

Pengakap2 itu juga telah di-beri peluang oleh Kapitan kapal tersebut untuk melawat sambil memerhati chara2 kapal Rajah Brooke itu menguasai perjalanan, sama ada siang atau pun malam.

Mereka juga telah di-berikan peluang untuk mengemukakan pertanyaan2 yang bersangkutan paut dengan perjalanan kapal.

Menerusi akhbar PELITA BRUNEI ini, Pengakap2 tersebut berasa sukachita menguchapkan terima kasih kepada Kapitan Parker, ia-itu Kapitan Kapal Rajah Brooke itu yang telah memberikan berbagai2 pertolongan kepada Pengakap2 dari Brunei semasa dalam pelayaran mereka dari Jesselton ka-Singapura.



Pintu Gerbang yang di-bangunkan oleh Pejabat Perubatan Labi sebagai menyambut Hari Jadi Duli

Yang Maha Mulia Maunim Al-Sultan oleh penduduk2 Mukim Labi pada awal bulan ini.

Seruan Pengelola Persatuan2 Belia Kapada Belia2 Dalam Negara

BANDAR BRUNEI. — Pengelola Persatuan2 Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah sukachita menyeru kapada semua persatuan2 (Belia) khas-nya dan khusus kapada ahli2 yang mempunyai bakat dan berminat supaya mengambil peluang turut serta dalam peraduan2 yang sekarang sedang terbuka kapada mereka.

Beliau menegaskan, bukan menchari kemenangan atau untuk mendapat hadiah tetapi adalah sa-mata2 terbit dari "jiwa kemasyarakatan".

Ahli2 persatuan hendak-lah menggunakan nama (alamat) persatuan masing2 dan ini adalah dermabakti dari sa-saorang

ahli kapada persatuan-nya sendiri, kata-nya.

Selanjut-nya Awang Zulkiflie berkata, "Panjangan-lah kapada seluroh ahli lain-nya supaya terus bergiat dalam berpersatuan. Harum-nya nama persatuan adalah juga mengharumkan nama masharakat di-sekeliling persatuan itu sendiri di-mana ia-nya berada, dan sudah tentu keharuman sa-tiap ahli juga.

Sekarang ada beberapa jenis peluang terbuka kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian; mital-nya:

- * a) Peraduan Cherpen untuk kanak2, anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- * b) Peraduan Cherpen atau menulis cerita pendek

bebas, anjoran Persatuan Asterawani, Brunei, dan
* c) Peraduan menulis Sajak bebas, juga anjoran Persatuan Asterawani, Brunei.

Masoki-lah peraduan2 ini untuk menyalorkan minat para ahli yang mempunyai bakat. Berikan-lah sambutan baik daripada persatuan2 Awang2 dan Dayang2."

Beliau menguchapkan selamat bertugas dan selamat berjaya kapada belia2 tersebut.

Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha Menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Kapada S.M. Puni

PUNI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan perisai kedatangan ka-Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong dalam satu upacara di-sekolah tersebut pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965.

Duli Pengiran Pemancha, selaku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memberi pujian atas kejayaan sekolah tersebut merebut perisai Kedatangan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Turut memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Pegawai Pelajaran Negera Brunei, Awang M. McInnes.

Dalam ucapan-nya Awang McInnes berkata antara lain2 kejayaan sekolah tersebut memperoleh perisai itu membuktikan yang murid2 di-Sekolah itu rajin datang ka-sekolah untuk belajar.

Beliau juga percaya kerajinan murid2 di-Sekolah Melayu Puni datang bersekolah ia-lah di-sebabkan kerjasama guru2, ibu bapa dan penjaga murid2.

Kelas2 Pelajaran Dewasa

BANDAR BRUNEI. — Semua Kelas2 Pelajaran Dewasa (Kelas Dewasa Pelajaran Rendah, Menengah, Trengkas, Menaip, Ilmu Menyimpan Kira2, Urusan Rumah Tangga dan Bahasa Melayu) bagi orang yang bukan Melayu)

telah di-tutup kerana kelepasan persekolahan Penggal Ketiga mulai 11 Disember, 1965.

Kelas2 Dewasa tersebut akan di-buka balek pada 1 Februari, 1966.

D.Y.M.M. Berchemar Duli Ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun pada pagi hari Khamis 9 Disember, 1965 untuk menyampaikan Perisai2 Kedatangan Kurniaan Baginda.

Sekolah Melayu Sungai Kebun telah memenangi Perisai Kedatangan tersebut sebagai Sekolah Melayu yang mempunyai kedatangan yang terbaik sekali dalam tahun ini antara Sekolah2 Melayu dalam Bandar Brunei.

Pemenang antara Darjah2 Menengah di-Sekolah Menengah

Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam ia-lah Tahun Satu L.

NASEHAT

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga bertitah di-majlis tersebut, mengandongi nasehat yang berharga dan berfaedah, bukan sahaja untuk murid2 sekolah, bahkan untuk masharakat sa-umom-nya.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking dan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei Satu, Awang Shahbudin

bin Saleh.

Sa-lepas Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menyampaikan Perisai2 tersebut, sa-orang murid sekolah telah menyumbangkan chenderamata, berupa sa-buah lukisan dibawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Ustadz Abdul Wahab bin Haji Ridin, Guru Besar Sekolah Ugamma, S.M.J.A. Bandar Brunei.

Kemudian jamuan ringan di-edarkan dan di-turuti dengan persembahan tarian2 kebudayaan Melayu oleh murid2 dari Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei.



Manfaatkan Musim Cuti Dengan Menyelami Keindahan Sejarah dan Warisan Negara

Rencana dan Foto : Nurdyanah Rajami

APABILA tiba musim cuti persekolahan setentunya membuatkan golongan pelajar berasa sangat gembira. Ia bagaikan saat-saat yang dinanti-nantikan oleh mereka untuk melakukan aktiviti yang digemari sambil meluangkan masa bersama-sama dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.

Namun adalah menjadi peranan yang besar bagi para ibu bapa atau penjaga untuk menjalankan tanggungjawab dengan bijak dalam mengisi atau memanfaatkan masa lapang anak-anak ketika musim cuti persekolahan dengan pelbagai perkara yang berfaedah. Hal ini amat penting untuk dititikberatkan agar pengetahuan dan kemahiran mereka semakin meningkat secara progresif baik dari segi mental dan fizikal sehingga meliputi jasmani dan juga rohani.

Sehubungan itu, kemeriahan suasana Pertandingan Pakaian Retro dan Warisan Brunei anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB) yang diadakan baru-baru ini di kawasan lapang PSB sebagai salah satu pengisian menarik semasa berlangsungnya Hari Terbuka PSB 2025 telah menyaksikan penglibatan positif lebih 50 orang peserta yang terdiri dari semua peringkat usia tidak terkecuali golongan ibu bapa bersama anak-anak mereka.

Pertandingan berkenaan dibahagikan kepada dua tema pakaian iaitu pakaian retro era 70-an hingga 90-an, manakala pakaian warisan Brunei bertemakan pakaian harian tradisional masyarakat Melayu Brunei atau pakaian tradisi dalam acara rasmi adat istiadat Melayu Brunei. Ia dibukakan kepada dua kategori iaitu peringkat kanak-kanak lelaki dan perempuan dan peringkat dewasa

lelaki dan perempuan; dan setiap kategori dikhususkan kepada tiga pemenang sahaja bagi lelaki dan perempuan.

Semasa berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei, Dayang Siti Norbanun binti Mohd. Rosman bersama anaknya, Dayang Aurora Qasura binti Awang Amanshah yang memperagakan busana berkonsepkan retro dengan corak klasik, warna terang bersama keunikan aksesori vintaj antaranya mengutarakan pandangan bahawa kita sebagai ibu bapa kepada anak-anak yang merupakan generasi muda kini sebagai penerus anak bangsa perlu memberi sokongan yang padu dengan menggalakkan anak-anak mengikuti aktiviti kebudayaan untuk mengisi masa lapang seperti cuti persekolahan ini.

"Ini sememangnya penting untuk membina jati diri agar anak-anak lebih memahami asal usul warisan dan sejarah yang dimiliki oleh bangsa Melayu itu sendiri. Inilah perkara yang perlu kita pertahankan agar ia tidak pupus sebegini sahaja dengan adanya arus kemodenan yang menghiasi kehidupan kita kini," ujar beliau.

Sementara itu, Dayang Safinaz Syazwani binti Haji Ja'afar, ibu kepada salah seorang peserta cilik Dayang Inarah Az-Zahraa' binti Mohamad Hazim yang turut mengikuti pertandingan dengan menampilkan pakaian warisan Brunei bagi majlis perkahwinan khususnya Majlis Malam Berbedak juga mengongsikan kesyukuran adanya pertandingan sedemikian kerana ia secara tidak langsung dapat mendekatkan lagi masyarakat umum di negara ini agar lebih mengenali keindahan warisan dan sejarah Negara Brunei Darussalam (NBD).

"NBD sebuah negara Melayu yang

pastinya memiliki khazanah warisan kebudayaan yang begitu berharga yang sememangnya menjadi mercu tanda yang mencorakkan bangsa kebruneian itu sendiri. Dalam kita meniti arus zaman silih berganti, pelbagai kemajuan dan pembangunan tetap dinikmati, namun memartabatkan segala warisan kebudayaan itu adalah tanggungjawab bersama.

"Warisan budaya bangsa ini tidak seharusnya dilihat sebagai satu perkara remeh-temeh sehingga boleh memudahkan kewujudannya di mata generasi muda khususnya anak-anak kita. Sebaliknya, ia adalah perkara yang mampu mengisi jiwa anak bangsa sehingga mewujudkan satu ikatan yang merapatkan rasa kebersamaan dan menjadi citra yang menimbulkan rasa cinta dan setia kepada bangsa dan negara," tambahnya.

Turut berkesempatan ditemu bual tiga orang peserta adik-beradik yang menetap di Kampung Kapok, Awang Abdul Musyrif Qayyum bin Mustaffa, Awang Abdul Wazif Qayyum bin Mustaffa dan Abdul Zarif Qayyum bin Mustaffa.

Mereka yang memperagakan pakaian bertemakan warisan Melayu dilengkapi dengan jenis pakai songket, bersinjang dan berdasar itu berkata penglibatan mereka sememangnya suatu peluang yang begitu berharga lebih-lebih lagi di musim cuti persekolahan hujung tahun ini. Ini dapat meningkatkan pengetahuan mereka supaya mengenali, mengetahui serta memahami akan asal usul sejarah dan kebudayaan yang telah diwarisi dari nenek moyang kita sewaktu ketika dahulu.

"Di samping mengikuti pertandingan ini, kami juga berpeluang mengikuti pelbagai jenis kuiz sejarah di mana ia menjadi suatu langkah yang mampu mencetus dan

mendidik kami agar sentiasa mencintai ilmu sejarah Brunei dan sekali gus dapat meningkatkan semangat patriotisme demi negara yang kita cintai ini, Alhamdulillah," luah mereka.

Hari Terbuka PSB yang berlangsung selama dua hari iaitu 6 hingga 7 Disember 2025 merupakan program tahunan yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Disember sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan masyarakat dari pelbagai peringkat umur terutama para belia dan generasi muda untuk bersama memainkan peranan dalam mendukung aspirasi, fungsi dan peranan PSB.

Pelbagai aktiviti menarik telah mewarnai suasana kemeriahan program berkenaan antaranya Pertandingan Pakaian Retro dan Warisan Brunei, Peraduan Mari Mewarna Sejarah, Peraduan Menulis Jawi, Kahoot Sejarah, Kuiz Kenali Sejarah Kitani, Sayangi Rekod Kitani dan Pertandingan Dart.

Di samping itu, para peserta dan pengunjung yang hadir begitu teruja dan memberi sokongan padu dalam menyertai pelbagai aktiviti sepanjang program berlangsung sekali gus berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik. Kemeriahan program ini turut menyaksikan penglibatan lebih daripada 20 vendor makanan dan minuman yang terdiri daripada pengusaha tempatan.

Dengan adanya program sedemikian, PSB turut berharap agar ia secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada orang awam untuk melihat sendiri peranan, fungsi dan perkhidmatan yang terdapat di PSB, antaranya para pengunjung berkesempatan meninjau dan berkunjung di galeri-galeri pameran PSB di samping mengetahui beberapa perkhidmatan yang tersedia.



OPERASI PANYAP KESAN PELBAGAI KESALAHAN

SEKITAR Operasi Panyap 127 / 2025 yang dilaksanakan di premis pendidikan di Mukim Berakas 'B' dan seramai lapan warganegara asing telah diperiksa semasa operasi tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Dalam menguatkuasakan akta dan peraturan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230; dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229, satu Operasi Panyap telah pun dilaksanakan yang menyasarkan kepada sebuah premis pendidikan di Mukim Berakas 'B'.

Semasa Operasi Panyap 127 / 2025 yang dilaksanakan di premis pendidikan di Mukim Berakas 'B', seramai lapan warganegara asing telah pun diperiksa dan lima orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Tiga orang daripada



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

warganegara asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan; manakala, dua orang lagi daripadanya dipercayai melakukan dua kesalahan, iaitu di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja bukan dengan majikan asal dan juga kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan

Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sehubungan dengan itu, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

Kuasai asas cahaya, hasilkan foto berkualiti, bermutu



AWANG Muhammad Syazwan ketika melakukan penggambaran semasa majlis perkahwinan (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Rakaman momen bersejarah majlis perkahwinan sememangnya menjadi ristaan dan rentetan yang paling bermakna dalam hidup lebih-lebih lagi melangkah fasa permulaan apabila bergelar suami isteri yang sah.

Pasangan mempelai pengantin setentunya sudah awal mempersiapkan dan merancang majlis yang menyatukan dua hati itu sejak awal berbulan-bulan lamanya agar tampak sempurna terutama sekali dari segi perbelanjaan, mengundang para jemputan, buah tangan, perkhidmatan katering, andaman, dewan dan tidak lupa juga khidmat fotografi antara yang terpenting dalam menyayakan lagi jayanya sebuah majlis.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Muhammad Syazwan Ramlee

Disember kebiasaannya antara bulan yang paling sibuk bagi mengadakan majlis-majlis perkahwinan kerana cuti penggal persekolahan yang sudah menjadi pilihan para pengantin untuk melangsungkan walimatul urus mereka.

Pelita Brunei sempat menemui salah seorang jurugambar *freelance* yang sememangnya sibuk dengan tempahan para pengantin iaitu Awang Muhammad Syazwan bin Ramlee yang lebih suka *freelance* dengan beberapa syarikat antaranya AxA.co, The Ocular, Eye of Artison, ceritaku.co, Samlee.film dan Redotphotography.

Awang Muhammad Syazwan yang berkecimpung dalam 15 tahun di bidang fotografi ini sudah mula menaruh minatnya pada tahun 2010 dan menceritakan, minatnya datang sendiri setelah ibu bapa beliau mula menggalakkan dirinya dengan kamera dan kemudiannya pengalaman pertama, apabila dipelawa dan dibawa oleh kawannya yang pada ketika itu belum mengetahui prosedur majlis perkahwinan dan hanya mengikut arahan pada ketika itu.

Kemahiran yang diperolehnya kini selain pengalamannya beliau juga sebelumnya pernah mengikuti kursus yang didatangkan dari Malaysia, Republik Indonesia dan belajar secara tidak langsung bila berjumpa jurugambar-jrugambar

senior yang ada di negara ini.

Berikutan minatnya yang semakin mendalam, bidang yang diceburinya itu membuatnya kekal beraksi dan memberikan perkhidmatan sehingga hari ini juga disebabkan ia mampu menjadi sumber pendapatan sampingannya.

Memang tidak dinafikan dengan perkembangan dunia sekarang juga agak mencabar bagi dunia fotografi. Justeru, beliau menyatakan beberapa cabaran yang dihadapi, salah satunya ialah kos peralatan fotografi seperti lensa, lampu / *speedlight*, kad memori dan aksesori perlu dinaik taraf mengikuti trend masa kini. Bukan sahaja kamera, komputer riba juga perlu dinaik taraf untuk memudahkan dan melancarkan penyuntingan foto.

"Bidang fotografi sekarang mengalami perubahan besar dengan adanya teknologi yang semakin canggih seperti kamera *mirrorless* menggantikan DSLR, lebih ringan, *autofocus* yang laju mempunyai Live View Exposure (menunjukkan hasil sebelum menekan shutter) dan setentunya, semakin tinggi kos perbelanjaan peralatan yang perlu dinaik taraf mengikut peredaran zaman," katanya.

Beliau juga mengongsikan pandangannya mengenai Kecerdasan Buatan (AI) yang ada masa kini yang mana ia secara

keseluruhan memudahkan kerja fotografi dari segi *editing*.

Kebaikan AI katanya, dari segi penyuntingan lebih cepat melakukan *retouch*, *color grading*, buang *noise* dan betulkan gambar secara automatik sementara dari sudut keburukannya iaitu persaingan semakin meningkat kerana orang yang bukan dalam bidang fotografi boleh menghasilkan foto yang cantik.

Secara keseluruhannya, Awang Muhammad Syazwan merasakan sebagai jurugambar bersyukur kerana selama memberikan khidmatnya, hasil kerja yang diberikan telah membuahkan hasil dengan kepuasan dan kegembiraan para pelanggan itu yang menjadi tunjang utama bagi membalas kepercayaan para

pelanggan.

Beliau juga menyarankan dan menasihatkan bagi mereka yang baharu berkecimpung dalam dunia fotografi agar jangan terburu-buru mengejar *gear* mahal. Kuasai asas cahaya, komposisi dan cara melihat sesuatu dengan mata seorang jurugambar.

"Teruskan bereksperimen, ambil gambar sebanyak mungkin dan jangan takut salah kerana setiap gambar yang kurang menjadi itu sebenarnya langkah menuju kemahiran. Menerima teguran dengan hati terbuka dan nikmati proses, belajar dari pengalaman dan terus belajar dan peka dengan perkembangan sekeliling serta biarkan minat membawa awda semakin jauh," tambahnya lagi.



Lelaki tempatan dipenjarakan mencabul kehormatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman penjara sembilan bulan terhadap seorang lelaki tempatan berusia 59 tahun atas kesalahan mencabul kehormatan seorang perempuan.

Majistret Kanan Dewi Norlelawati binti Haji Abd. Hamid menjatuhkan hukuman ke atas Md. Yusof bin Gapor (defendan) dengan menjalani hukuman penjara bermula pada 4 Disember 2025.

Defendan bekerja sebagai Penyimpan Stor di bawah STIA Sdn. Bhd. dan telah berkhidmat secara sambilan di bawah Jabatan Logistik di Daimun Security Services sejak tahun 2014.

Pada 4 November 2025, Dayang X, salah seorang anggota keselamatan Daimun Security Services telah datang ke pejabat Daimun Security Services yang terletak di Tungku Link, Gadong bagi tujuan menukar pakaian seragamnya.

Setibanya di sana, Dayang X terus menuju ke tingkat satu dan meminta untuk berjumpa dengan defendan yang bertanggungjawab dalam urusan logistik termasuk pengendalian saiz pakaian seragam bagi kakitangan Daimun.

Defendan membawa Dayang X ke tingkat dua di mana bilik stor untuk peralatan dan pakaian seragam. Di dalam bilik stor tersebut, Dayang X memulangkan pakaian seragam lamanya dan meminta saiz yang lebih besar. Defendan kemudian mengeluarkan kata-kata tidak sopan terhadap Dayang X.

Selepas menerima pakaian seragam baharu, Dayang X bersama defendan turun dari tingkat dua ke tingkat satu menggunakan tangga, dengan Dayang X berada di hadapan manakala defendan berjalan di belakangnya. Semasa berada di tangga tersebut, defendan telah melakukan perbuatan tidak senonoh terhadap Dayang X.

Akibat daripada perbuatan defendan tersebut, Dayang X merasakan kehormatannya telah dicabuli dan seterusnya membuat laporan polis pada 25 November 2025 yang membawa kepada penangkapan defendan pada 2 Disember 2025.

Defendan mempunyai rekod kesalahan lampau. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Tiah Teck Chiun (Jordan).



REPUBLIK RAKYAT CHINA MELANCARKAN KUMPULAN SATELIT INTERNET BAHARU

TAIYUAN, 9 Dis. - Republik Rakyat China menghantar kumpulan satelit baharu ke angkasa lepas pada hari Selasa dari Pusat Pelancaran Satelit Taiyuan di Wilayah Shanxi, utara Republik Rakyat China.

Kumpulan satelit itu, kumpulan satelit internet orbit rendah ke-15, telah dilancarkan pada jam 6.11 pagi (Waktu Beijing) di atas roket pengangkut Long March-6 yang diubah suai dan berjaya memasuki orbitnya yang telah ditetapkan.

Pelancaran ini menandakan misi penerbangan ke-613 bagi siri roket

pengangkut Long March. - ©XINHUA

SEBUAH roket pembawa Long March-6 yang telah diubah suai, membawa kumpulan ke-15 satelit internet orbit rendah, dilancarkan dari Pusat Pelancaran Satelit Taiyuan di Shanxi, utara Republik Rakyat China, pada 9 Disember 2025.



UK tawar peluang kerja dalam pembinaan, penjagaan dan hospitaliti kepada golongan muda penerima bantuan

LONDON, 8 Dis. - Golongan muda penerima bantuan di United Kingdom (UK) akan ditawarkan peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan, penjagaan dan hospitaliti bagi membendung peningkatan pengangguran belia, lapor PA Media/dpa.

Menteri-menteri mengumumkan pakej bernilai £820 juta (USD1.1 bilion) bagi membantu hampir satu juta individu keluar daripada skim bantuan dan memasuki pasaran pekerjaan.

Peruntukan itu termasuk dana untuk latihan dan pengalaman kerja dalam sektor pembinaan, hospitaliti serta kesihatan dan penjagaan sosial bagi 350,000 belia yang menerima 'Universal Credit', iaitu bantuan untuk mereka berpendapatan rendah atau tidak bekerja.

Golongan lain pula akan ditawarkan 'sokongan intensif' untuk membantu mereka mencari pekerjaan, sementara pekerjaan terjamin yang disokong kerajaan akan disediakan kepada sehingga 55,000 belia bermula Musim Bunga 2026.

Namun mereka yang enggan menerima bantuan yang ditawarkan tanpa sebab munasabah boleh

kehilangan sebahagian bantuan mereka.

Setiausaha Kerja dan Pencen Pat McFadden berkata: "Setiap anak muda berhak mendapat peluang saksama untuk berjaya. Dengan sokongan dan peluang yang betul, mereka akan merebutnya".

Peruntukan tambahan itu diumumkan ketika peningkatan jumlah golongan belia 'NEET' - individu berusia 16 hingga 24 tahun yang tidak bekerja, tidak belajar dan tidak menjalani latihan.

Kini terdapat kira-kira 940,000 anak muda di UK dikategorikan sebagai NEET, peningkatan 195,000 dalam tempoh dua tahun, didorong terutamanya oleh peningkatan kadar sakit dan ketidakupayaan.

Kumpulan Pemikir Resolution Foundation memberi amaran bahawa angka itu berisiko mencecah satu juta buat kali pertama sejak krisis kewangan, apabila ia memuncak pada 1.2 juta pada 2012.

Dalam tulisannya di akhbar Sunday Mirror, Setiausaha Pendidikan Bridget Phillipson berkata: "Satu daripada lapan anak muda tersisih daripada pembelajaran dan pekerjaan.

Hampir sejuta masa depan tergantung, satu pembaziran besar bakat muda.

"Kita perlukan intervensi awal. Sebab itu kami mewujudkan Indikator Risiko NEET yang diperkukuh sebagai sebahagian daripada pelaburan £820 juta - sistem amaran awal bagi mengenal pasti belia yang memerlukan bantuan sebelum keadaan menjadi lebih buruk".

"Kami melaksanakan projek perintis pendaftaran automatik dalam pendidikan lanjutan, mewujudkan hampir 300,000 peluang kemahiran baharu bagi penerima 'Universal Credit', dan memperluas Hab Belia ke setiap kawasan tempatan - menawarkan segala-galanya daripada bantuan CV (kurikulum vitae) hingga sokongan kesihatan mental.

"Namun kami tahu isu ini tidak dapat diselesaikan tanpa menangani kemiskinan yang menyuburkannya. Sebab itu kami melabur bagi menangani isu kemiskinan kanak-kanak".

Bekas Setiausaha Kesihatan Alan Milburn telah diminta menjalankan kajian mengenai peningkatan bilangan belia NEET, yang akan membentuk pembaharuan lanjut dalam sistem

3 maut dilanda gelombang besar di kolam semula jadi di Tenerife

MADRID, 8 Dis. - Tiga orang maut dan tiga lagi cedera selepas gelombang besar melanda sebuah kolam semula jadi di pantai barat pulau Tenerife, Sepanyol, lapor agensi berita Jerman dpa pada Ahad, memetik pihak berkuasa.

Beberapa individu dihanyutkan ke laut dalam kejadian itu, dan seorang lagi yang dilaporkan hilang masih dicari, menurut perkhidmatan kecemasan Kepulauan Canary.

Pihak berkuasa berkatamangsa yang disahkan maut terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita. Seorang daripada mangsalelaki berusia 35 tahun, wanita berusia 55 tahun, manakala usia mangsa ketiga belum didedahkan. Tiada butiran pengenalan lanjut dikeluarkan.

Seorang wanita mengalami serangan jantung ketika kejadian di tebing Los Gigantes di kawasan Santiago del Teide tetapi berjaya diselamatkan oleh paramedik sebelum diterbangkan ke hospital.

Menurut laporan media, beberapa individu yang dihanyutkan ombak berjaya berenang kembali ke pantai sendiri. Penyiar negara RTVE melaporkan pihak berkuasa tempatan telah mengeluarkan amaran mengenai ombak besar pada Ahad.

Kejadian terbaharu ini berlaku kira-kira sebulan selepas siri gelombang besar pada 8 November lalu menghanyutkan beberapa individu ke laut, termasuk ramai pelancong - kebanyakannya dari Republik Perancis. Tiga orang maut dan 15 cedera dalam insiden tersebut di sepanjang pantai Tenerife. - ©BERNAMA

kesihatan dan kebajikan.

Pelan tambahan untuk belia dijangka diumumkan pada minggu depan ketika kerajaan bersiap menerbitkan strategi belia nasionalnya.

Setiausaha Kerja dan Pencen bayangan Parti Konservatif Kemi Badenoch berkata kenaikan cukai kerajaan menjadi punca peningkatan pengangguran belia.

"Ini pengakuan bahawa kerajaan

tidak mempunyai rancangan pertumbuhan, tiada rancangan untuk mewujudkan pekerjaan sebenar, dan tiada kaedah untuk mengukur sama ada dana ini memberikan hasil," katanya.

"Menteri tidak dapat menjelaskan apakah jenis pekerjaan, siapakah majikan, atau berapa banyak yang akan kekal selepas pembiayaan berakhir," katanya. - ©BERNAMA

Airwallex raih dana USD330 juta, tingkat nilai USD8 bilion, buka ibu pejabat kedua

KUALA LUMPUR, 8 Dis. - Airwallex, platform kewangan global terkemuka untuk perniagaan moden, telah meraih USD330 juta dalam pusingan Pendanaan Siri G sekali gus meletakkan penilaian Airwallex pada USD8 bilion, meningkat kira-kira 30 peratus sejak Pendanaan Siri 'F' enam bulan lalu.

Pelaburan baharu ini akan terus memacu pertumbuhan Airwallex di Amerika Syarikat (AS) serta di pasaran utama di seluruh dunia, sambil memacu peningkatan pengambilan pekerja dan pembangunan produk dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI).

"Kami percaya masa depan perbankan global akan menjadi tanpa sempadan, bersifat masa nyata dan pintar," kata Pengasas Bersama merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Airwallex, Jack Zhang dalam satu kenyataan pada Isnin.

"Penyedia tradisional tidak lagi sepadan dengan cara operasi perniagaan moden, dan pelabur kami memahami bahawa kami kini

berada di barisan hadapan dalam mendefinisikan kategori ini.

"Kami sedang membina alternatif moden, iaitu satu platform tunggal yang memacu perbankan global, pembayaran, bil, perbendaharaan dan perbelanjaan melalui infrastruktur kewangan proprietari.

"Dana ini akan mempercepat pertumbuhan kami, mengukuhkan kepimpinan teknikal serta kedudukan kami di AS serta di pasaran utama," katanya.

Pendanaan Siri 'G' itu diketuai oleh Addition, bersama penyertaan T. Rowe Price, Activant, Lingotto, Robinhood Ventures dan TIAA Ventures.

Sementara itu Lee Fixel dari Addition berkata Airwallex sedang membentuk semula landskap perbankan perniagaan global.

"Sistem kewangan tradisional tidak direka untuk perniagaan tanpa sempadan, dan Airwallex berada dalam kedudukan unik untuk menangani cabaran ini.

"Dengan infrastruktur

kewangan, perisian dan keupayaan AI global, syarikat ini juga berada pada landasan sangat kukuh untuk menerajui masa depan perbankan perniagaan global," katanya.

Seiring dengan pusingan pendanaan ini, Airwallex mengumumkan pembukaan ibu pejabat global kedua di San Francisco bagi menempatkan pasukan produk teras, kejuruteraan, perkongsian strategik dan strategi msuk pasaran, di pusat inovasi dan bakat AI global tersebut.

Pasaran AS merupakan tumpuan penting dalam strategi global Airwallex.

Airwallex merancang untuk menggandakan tenaga kerja di AS kepada lebih 400 kakitangan dalam tempoh 12 bulan akan datang, dan turut menggandakan ruang pejabatnya di San Francisco bagi menyokong pengembangan itu.

Ditubuhkan di Australia pada 2015, Airwallex kini mempunyai lebih 2,000 kakitangan di seluruh

dunia dan merancang menambah lebih 50 peratus lagi menjelang akhir 2026.

Pertumbuhan ini akan terus memacu pelaburan dalam infrastruktur serta kerjasama global.

Airwallex sedang membangunkan kumpulan ejen AI khusus untuk melaksanakan aliran kerja kewangan sebenar, yang meletakkan asas untuk jabatan kewangan autonomi sepenuhnya.

Produk pertama yang diperkenalkan ialah rangkaian ejen AI dalam platform pengurusan perbelanjaan Airwallex.

Expense Submission Agent, yang kini tersedia, mengumpul resit daripada pelbagai sumber, memadankannya secara automatik dengan transaksi, mengkategorikan perbelanjaan dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan untuk penyerahan yang lancar.

Expense Policy Agent, yang akan dilancarkan dalam minggu terdekat, akan mengesahkan kesahihan resit, menyemak pematuhan penyerahan mengikut dasar syarikat, dan memaklumkan sebarang pengecualian untuk

semakan manual sebelum kelulusan akhir.

Lebih daripada 200,000 syarikat di seluruh dunia, daripada syarikat permulaan hingga perusahaan awam, menggunakan Airwallex untuk menguruskan operasi perbankan dan kewangan global mereka, atau untuk membina dan mengewangkan produk kewangan mereka sendiri menggunakan infrastruktur Airwallex.

Airwallex memegang 80 lesen merentas Amerika Utara, Eropah, Timur Tengah, dan Asia-Pasifik, membentuk satu daripada infrastruktur kewangan paling komprehensif di dunia.

Rangka terkawal ini menggerakkan produk Airwallex pada skala global, termasuk penerimaan pembayaran, pengebilan, akaun global, kad korporat, dan pengurusan perbelanjaan.

Syarikat ini beribu pejabat bersama di San Francisco dan Republik Singapura dengan lebih 2,000 pekerja merentasi 26 pejabat.

Untuk maklumat lanjut boleh layari www.airwallex.com. - ©BERNAMA

AKADEMI FUTSAL INDONESIA JUARA AR RAWDA ACADEMY INTERNATIONAL FUTSAL CUP



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang kejohanan (kanan). Kedua-dua pasukan AKAR Futsal Akademi dan pasukan Panda Futsal Akademi dari Republik Indonesia berjaya menjadi juara kejohanan Ar Rawda Academy International Futsal Cup (kiri).

Anugerah Pemain Terbaik U13 diberikan kepada Rizky Muhd. Jauza dari AKAR FA, dari Republik Indonesia; manakala gelaran Goleiro Terbaik U13 pula disandang oleh M. Diego Alfatora, dari Panda Futsal Akademi.

Sementara bagi Kategori Bawah 11 Tahun (U11), Panda Futsal Akademi, Republik Indonesia mengambil giliran untuk merangkul gelaran juara, diikuti pasukan AKAR FA yang menduduki naib juara yang juga menjadi pesaing utama pasukan senegara. Manakala, tempat ketiga pula menjadi milik ABC Club Akademi dari Limbang, Sarawak, yang mempamerkan saingan menarik sepanjang kejohanan.



Manakala, anugerah individu bagi kategori berkenaan menyaksikan Devirza Qolby Pratama dari Panda Futsal Akademi dinobatkan sebagai Pemain Terbaik U11, manakala Awang Md. Afiq Waldan bin Abd. Azim dari Ar Rawda Futsal Akademi pula dinobatkan sebagai Goleiro Terbaik U11.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga

Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara, yang juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang kejohanan.

Kejohanan berkenaan menjadi platform untuk mencungkil bakat muda melalui sukan futsal antara negara serantau dengan penyertaan oleh pasukan-pasukan Akademi Futsal dari Republik Indonesia, Sabah, Sarawak dan NBD yang diwakili oleh Akademi Futsal Ar Rawda selaku penganjur kejohanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Akademi Futsal Ar Rawda

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Disember. - Kedua-dua Akademi Futsal dari Republik Indonesia pulang dengan ceria apabila masing-masing menjadi juara kejohanan Ar Rawda Academy International Futsal Cup yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dalam Kategori Bawah 13 Tahun (U13), pasukan AKAR Futsal

Akademi (AKAR FA), Republik Indonesia muncul juara selepas menampilkan aksi konsisten dan menguasai liga dengan kutipan 12 mata, sementara pasukan Panda Futsal Akademi, juga dari Republik Indonesia menduduki tempat naib juara selepas mengutip sembilan mata, diikuti pasukan Tiger FC Futsal Akademi dari Tuaran, Sabah menamatkan saingan di tempat ketiga.

Kontinjen NBD bertolak ke Bangkok, Thailand



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen kedua negara yang menyertai Sukan Asia Tenggara Ke-33 di Thailand.

BERAKAS, Selasa, 9 Disember. - Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan menasihatkan atlet kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) agar menanai tanggungjawab dengan sebaiknya dalam berjuang untuk memburu kemenangan sekali gus membawa pulang kejayaan dari Sukan Asia Tenggara Ke-33 di Thailand nanti.

Pengiran Haji Mohd. Hasnan

seterusnya menekankan kepada para atlet untuk sentiasa menjaga disiplin demi imej dan nama negara sepanjang mereka berada di sana.

Dalam memberikan kata-kata semangat bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen kedua di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, hari ini, Pengiran Haji Mohd. Hasnan seterusnya menekankan para atlet untuk menjaga kesihatan dengan rehat yang mencukupi sekali gus menguatkan fizikal dan

jasmani serta fokus terutama sekali berada di gelanggang dalam acara sukan masing-masing.

Pengiran Haji Mohd. Hasnan percaya dari sudut latihan, para atlet sudah bersedia dengan minda yang kuat kerana sudah terdedah dalam perlawanan di peringkat antarabangsa dan justeru, menggunakan pengalaman dengan sebaiknya dalam bertanding nanti.

Dengan titipan doa, tambahnya, agar kontinjen negara akan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dipermudahkan segalanya dan dikurniakan kesihatan berpanjangan dan sokongan moral agar para atlet bersemangat juang untuk bertanding untuk membawa pulang kejayaan.

Rombongan kontinjen yang bertolak hari ini seramai 37 atlet terdiri daripada 28 atlet sukan Bola Jaring, Pencak Silat dan Wushu serta sembilan pegawai termasuk Pegawai Perhubungan, Pegawai

Perubatan dan Jurulatih telah bertolak ke Bangkok, Thailand bagi menyertai kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) kali ini.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Persatuan Sukan Kebangsaan dan keluarga atlet. Bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman.



BERANGKAT KE FLAG RAISING CEREMONY



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai dan berkenan menerima cenderahati daripada Deputy Governor Sports Authority Thailand (paling kiri dan kiri).

Thailand, Dr. Meechai Inwood.



THAILAND
2025

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, Thailand, Isnin, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Flag Raising Ceremony yang berlangsung di

pekarangan Indoor Stadium Huamark, Bangkok, Thailand.

Acara dimulakan dengan menaikkan bendera setiap negara yang dimulakan dengan bendera Negara Brunei Darussalam (NBD), Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura,

Republik Demokratik Timor-Leste, Republik Sosialis Viet Nam dan negara tuan rumah, Thailand.

Pada acara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menerima cenderahati daripada Deputy Governor Sports Authority

Kontinjen negara disertai oleh seramai 23 orang terdiri daripada atlet Karate, Taekwondo dan pegawai, jurulatih yang diketuai oleh Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission.

Penganugerahan SEA Games Federation Order of the Golden Rings Awards



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai semasa SEA Games Council Meeting yang diadakan di Bangkok, Thailand.

BANGKOK, Thailand, Isnin, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menghadiri

SEA Games Council Meeting yang berlangsung di The Grand Fourwings Convention Hotel, Bangkok, Thailand.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah dikurniakan SEA Games Federation Order of the Golden Rings Awards iaitu pengurniaan tertinggi SEA Games Federation

(SEAGF).

Penganugerahan SEA Games Federation Order of the Golden Rings Awards merupakan pengiktirafan atas khidmat dan jasa bakti serta kepimpinan teguh Duli Yang Teramat Mulia selaku SEA Games Federation Honorary Life President.

Anugerah ini turut mengukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam serta Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei

Darussalam sebagai anggota ahli yang bernilai dan SEAGF menjunjung nilai persahabatan, penghormatan serta solidariti yang menjadi tunjang kepada Sukan SEA. Duli Yang Teramat Mulia juga merupakan penerima Olympic Order Silver Award pada tahun 1999.

Chef de Mission, Assistant Chef de Mission, serta seluruh pegawai urus setia dengan penuh hormat menjunjung setinggi-tinggi

ucapan tahniah dan penghargaan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia, sempena penganugerahan Order of the Golden Rings Award.

Pengiktirafan ini kepada Duli Yang Teramat Mulia selaku SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menandakan hari yang amat bersejarah dan membanggakan bagi negara.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BULI ADALAH PERBUATAN ZALIM YANG MENYAKITI ORANG LAIN DAN HUKUM MENYAKITI ITU ADALAH HARAM